

Belanjawan Alternatif

Malaysia 2016

Mengelakkan krisis



Versi Bahasa Melayu

PAKATAN HARAPAN

Kandungan

Ringkasan Eksekutif.....	3
Gambaran Keseluruhan Ekonomi Makro.....	7
1. Langkah-langkah Pakatan Harapan dalam mengelakkan krisis ekonomi	10
1.1 Langkah pertama: Memulihkan keyakinan pasaran	11
1.2 Langkah kedua: Menyediakan bantuan kewangan kepada rakyat.....	13
1.2.1 Pengurangan GST	13
1.2.2 Pengurangan Cukai untuk Golongan Pertengahan	14
1.2.3 Pembayaran bantuan kewangan tunai secara bersyarat	18
1.3 Langkah ketiga: Menyediakan bantuan kewangan untuk perniagaan	19
1.3.1 Pelepasan cukai untuk mengekalkan keuntungan.....	19
1.3.2 Mengurangkan dividen petroleum untuk membantu PETRONAS.....	20
1.4 Menutup ketirisan dan mewujudkan disiplin fiskal	21
1.4.1 Ruang fiskal yang terkekang	21
1.4.2 Pilihan-pilihan dasar.....	22
1.4.3 Keupayaan Mencipta Simpanan	23
1.5 Langkah kelima: Meningkatkan perbelanjaan pembangunan.....	24
2. Unjuran Fiskal.....	25
2.1 Gambaran Keseluruhan	25
2.2 Pendapatan	26
2.2.1 Unjuran Pendapatan: Kerajaan Barisan Nasional	26
2.2.2 Unjuran Pendapatan: Pakatan Harapan	30
2.3 Perbelanjaan	32
2.3.1 Unjuran Perbelanjaan: Kerajaan Barisan Nasional	32
2.3.2 Unjuran Perbelanjaan: Pakatan Harapan.....	36
3. Kertas Cadangan	39
3.1 Dasar untuk Sabah & Sarawak	39
3.2 Pertanian.....	41
3.2.1 Latar belakang.....	41
3.2.2 Pembaharuan Dasar Beras.....	41
3.3 Liabiliti yang tidak dilaporkan/direkodkan (<i>off-balance sheet liabilities</i>).....	44
4. Lampiran	48

Ringkasan Eksekutif

Kami menjangkakan tahun 2016 sebagai tahun yang sangat mencabar untuk ekonomi dengan kemungkinan kemelesetan ekonomi pada suku ketiga (Q3) disebabkan kejatuhan nilai ringgit, penurunan perbelanjaan membeli dalam kalangan pengguna, akitiviti perniagaan yang semakin berkurang, dan tekanan luar. Perdana Menteri Najib Razak kekurangan kemahuan politik dalam menyelesaikan isu 1MDB secara segera dan krisis keyakinan yang berpanjangan akan terus mengheret ekonomi dan ringgit untuk terus jatuh.

Kami yakin dan percaya bahawa kerajaan Barisan Nasional (BN) akan mengambil jalan terus berbelanja besar/mengepam ekonomi (*pump-priming*) menerusi projek-projek mega untuk merangsang pertumbuhan ekonomi negara. Projek-projek ini akan terus disembunyikan sebagai “off-balance sheet items” dengan serendah-rendah ketelusan dan kebertanggungjawaban. Kami sangat khuatir kos perbelanjaan projek-projek ini akan meningkat pada tahun depan sekiranya penafaran kredit jatuh menjunam. Sementara kerajaan BN berkemungkinan besar akan meningkatkan perbelanjaan pembangunan, manfaat-manfaat daripada perbelanjaan itu tidak dapat dimaksimumkan disebabkan amalan pembaziran dan rasuah yang sudah sebatи. Kami juga percaya bahawa kerajaan BN akan menjalankan pemotongan berjimat-cermat pada peringkat mengurus; mengurangkan perkhidmatan sosial dan menyebabkan kesengsaraan yang lebih besar kepada rakyat. Kecenderungan berjimat-cermat ini telah bermula lewat tahun 2014 dengan pemotongan dalam sektor kesihatan dan biasiswa pendidikan.

Secara fiskal, kami mengambil maklum bahawa kerajaan BN mungkin telah mendapatkan kembali pulangan RM26 bilion sejak pelaksanaan GST (pulangan RM15 bilion) dan penarikan subsidi petrol (penjimatan RM10.7 bilion). Walau bagaimanapun, pulangan ini berkemungkinan akan berkurang disebabkan pengurangan pendapatan petroleum dan sumbangan cukai yang lebih rendah akibat daripada prestasi korporat yang lesu. Daripada terus berbelanja besar/mengepam ekonomi, kerajaan BN sepatutnya menggunakan dapatan bersih fiskal untuk mengurangkan tahap berbahaya pendedahan hutang daripada tanggungan terus dan tanggungan luar jangka yang sekarang mencatatkan nilai RM800 bilion (hutang kerajaan sebanyak RM630 bilion dan tanggungan kebergantungan/kontinjen sebanyak RM170 bilion). Kami juga bimbang penggunaan meluas “surat-surat sokongan” yang tidak diletakkan sebagai tanggungan luar jangka. Maka, kami tidak percaya bahawa sasaran defisit 3% oleh BN adalah boleh dicapai dan kami menjangkakan jumlah-jumlah defisit akan dimanipulasikan menerusi belanjawan tambahan.

Berbeza dengan Pakatan Harapan, kami akan mengambil tindakan yang tegas dan segera terhadap 1MD untuk mendapatkan kembali keyakinan pasaran. Kami akan menyatakan sokongan kepada pelanjutan tempoh berkhidmat untuk tempoh dua tahun lagi kepada Gabenor Bank Negara, Tan Sri Zeti Akhtar Aziz untuk memastikan kestabilan dalam menghadapi masalah ekonomi yang mendatang. Kami juga akan memperkenalkan langkah-langkah untuk mengurangkan inflasi yang disebabkan oleh GST dan kejatuhan nilai ringgit. Untuk pendapatan pula, kami akan mengurangkan kadar GST kepada 0% dan akan jalankan dasar cukai yang progresif. Secara fiskal, kami akan menjimatkan sebanyak RM30 bilion dengan melaksanakan perubahan-perubahan struktur untuk membasmi pembaziran dan rasuah. Melalui pulangka fiskal ini, kami akan mengurangkan dividen Petronas sebanyak RM6 bilion untuk memastikan organisasi tersebut dapat membina kekuatan yang lebih baik dalam masa yang sangat mencabar ini. Malah, perniagaan-perniagaan akan diberikan insentif untuk mengisyiharkan

**Terjemahan Teks Belanjawan Alternatif Pakatan Harapan:
Mengelakkan Krisis (Averting a Crisis)**

minimum dividen untuk mengelakkan larian modal (*capital flight*) dan diberikan ganjaran untuk melabur kembali dalam perbelanjaan modal.

Kami akan mengelakkan langkah-langkah penjimatan terhadap perkhidmatan sosial dan akan terus menumpukan kepada perbelanjaan membangunkan modal insan dengan lebih banyak pelaburan dalam pendidikan, kesihatan, latihan dan pemberdayaan wanita. Malah, kami juga tidak akan membesarkan atau mengecilkan saiz perkhidmatan awam. Sebaliknya, kami akan lebih tertumpu kepada penjimatan menerusi perubahan-perubahan struktur dan langkah-langkah pencegahan rasuah.

Pendekatan fiskal yang bertanggungjawab ini akan menghasilkan kutipan pendapatan cukai dan perbelanjaan mengurus yang lebih rendah. Dari segi pendapatan, kami akan mengutip RM221 bilion, RM16 bilion lebih rendah berbanding model sasaran BN. Rakyat dan perniagaan akan mendapat faedah daripada cukai yang lebih rendah, dengan wang yang lebih banyak akan meningkatkan keyakinan pengguna dan para pelabur. Untuk perbelanjaan, kami akan membelanjakan sebanyak RM 246 bilion, RM 29 bilion lebih rendah berbanding BN. Perbelanjaan yang lebih rendah ini akan menghasilkan simpanan berbanding pemotongan. Belanjawan kami juga memperuntukkan nisbah yang sesuai 70:30 untuk perbelanjaan mengurus kepada perbelanjaan pembangunan. Pendekatan ini menunjukkan komitmen kami ke arah disiplin fiskal yang lebih baik dan menjadikan kerajaan menjadi lebih produktif. Secara keseluruhan, dasar dan pendekatan kami akan mewujudkan defisit 2%, memberikan lebih ruang fiskal untuk bertindak balas sekiranya berlaku krisis ekonomi pada suku ketiga (Q3) pada tahun 2016.

Belanjawan alternatif ini turut memberikan perhatian istimewa kepada keperluan ekonomi di Sabah, Sarawak dan kawasan luar Bandar Malaysia. Kami percaya bahawa cabaran-cabaran ekonomi di Sabah dan Sarawak boleh diatasi sekiranya dasar yang baik dibawa bersama kemahuan politik. Pembangunan pesat di kawasan bandar Semenanjung Malaysia adalah hasil daripada sumber-sumber asli daripada Malaysia Timur dan kami berhasrat untuk membetulkan ketidakseimbangan ini menerusi dasar pembangunan kawasan luar bandar dan pengagihan sumber secara adil dan saksama. Pakatan Harapan yakin bahawa setiap penduduk Sabah dan Sarawak adalah layak untuk mendapatkan taraf hidup yang sama seperti penduduk-penduduk di Malaysia Barat.

Untuk sektor pertanian, kami menyasarkan usaha untuk membantu petani miskin dan memberikan insentif pengeluaran beras melalui pengagihan semula subsidi. Kami juga percaya bahawa adanya peluang yang cukup untuk meningkatkan jumlah keseluruhan pengeluaran dan penggunaan tanah yang lebih baik dalam sektor ini. Dasar-dasar dalam belanjawan ini menunjukkan komitmen penuh kami terhadap mendekatkan jurang antara luar bandar dan bandar dan meningkatkan kualiti hidup para pekerja dalam sektor pertanian.

SOROTAN BELANJAWAN

Pakatan Harapan 2016

-  Meletakkan 1MDB dalam pentadbiran dan mendakwa pesalah-pesalah berkaitan
-  Memisahkan portfolio Perdana Menteri dan Menteri Kewangan
-  Menyokong pelanjutan tempoh perkhidmatan Gabenor Bank Negara untuk 2 tahun lagi
-  Memansuhkan GST dengan mengumpulkan semua pembekalan bawah senarai kadar sifar untuk mengurangkan inflasi

-  Menubuhkan tabung pembiayaan petroleum untuk penduduk Sabah dan Sarawak
-  Peruntukan kepada perbelanjaan pembinaan kereta api laju KL-Singapura akan diagihkan semula kepada pembinaan landasan kereta api di Sabah dan Sarawak
-  Penjimatan RM30 bilion daripada langkah-langkah pencegahan rasuah
-  Mengurangkan dividen PETRONAS kepada RM20 bilion

-  Penyusunan semula pembayaran bantuan kewangan secara bersyarat berdasarkan pekerjaan dan kehadiran sekolah
-  Menyusun semula subsidi padi dan meningkatkan hasil pengeluaran pertanian

Pendahuluan

Belanjawan Pakatan Harapan ini bertindak sebagai satu kertas dasar cadangan balas terhadap pentadbiran kewangan yang tidak terurus oleh kerajaan BN dalam Belanjawan 2016. Pada masa bakal berlakunya penurunan ekonomi, kami akan menyediakan satu pandangan yang nyata berkenaan keadaan Malaysia hari ini dan dasar awam yang berdaya maju untuk memulihkan ekonomi kita.

Kami bermula dengan bermuhasabah diri dengan peringatan daripada Allah SWT dalam Surah Al-Hasrh, ayat 7:

كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةً بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ

“Supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu”. Ayat ini menggambarkan prinsip “keadilan sosial dan pembangunan yang saksama” dalam syariah Islam yang memperjuangkan pengagihan yang adil dan saksama untuk harta dan pendapatan dan menangani jurangnya.

Tema ketidaksamaan diangkat dalam belanjawan ini- ketidaksamaan antara politik elit dan rakyat biasa, antara masyarakat bandar dan luar bandar; dan antara Semenanjung dan Malaysia Timur. Kami menyedari ketidaksamaan ini adalah tanda-tanda ketandusan moral oleh kerajaan hari ini, dan kami menasarkan untuk membetulkan keadaan ini menerusi langkah yang segera dan untuk jangka masa panjang.

Pakatan Harapan mencadangkan agar keyakinan pasaran dipulihkan dan diberikan bantuan kewangan kepada rakyat dan perniagaan sebagai langkah segera meredakan kepayahan ekonomi sekarang. Langkah jangka masa sederhana adalah termasuk meletakkan kembali kedudukan fiskal dalam keadaan yang lebih mampan dari segi kewangan, dan melindungi peringkat masyarakat bawahan 40% dengan meningkatkan perbelanjaan pembangunan. Kita kemudiannya akan berada dalam kedudukan yang lebih baik untuk menggerakkan agenda urustadbir yang baik, masyarakat demokratik dan institusi ekonomi, dan kedaulatan undang-undang berdasarkan keadilan sosial untuk semua.

Cadangan-cadangan kami yang terperinci ini adalah berdasarkan maklumat-maklumat yang sudah tersedia, pemerhatian daripada media dan daripada kerajaan Persekutuan sendiri. Pengaturan masa adalah penting dan risikonya adalah tinggi. Kami menjemput penggubal dasar daripada kedua-dua belah pihak untuk melihat belanjawan ini bukan dari kacamata partisan sebaliknya menilai setiap cadangan berdasarkan merit dan kekuatan demi kemajuan negara. Harapan kami adalah keputusan yang tegas dapat dicapai untuk menghindarkan kejatuhan ekonomi yang tidak dapat disekat.

Gambaran Keseluruhan Ekonomi Makro

Krisis keyakinan Malaysia dijangka bertambah merudum dan boleh mengakibatkan kepada kemelesetan ekonomi pada tahun 2016. Keadaan ini bukan sahaja berkait dengan faktor luaran, tetapi juga faktor dalaman yang telah melemahkan keupayaan negara untuk menghadapi ketidaktentuan global.

Ekonomi global dijangka berkembang pada kadar tahunan 3.8% untuk tahun 2016 berbanding 3.3% pada tahun 2015. Dalam keadaan ekonomi di negara maju dijangka memacu pertumbuhan global, adalah tidak mengejutkan untuk melihat peralihan kembali dana-dana pelabur ke Amerika Syarikat. Ini telah menyebabkan pengukuhan berterusan dollar US dan penurunan ekonomi China.

Pengukuhan dollar US telah menyebabkan kejatuhan nilai matawang Asia dengan Ringgit Malaysia paling terkesan dengan jatuh pada kadar hampir 30% pada tahun 2015. Penurunan Yuan baru-baru ini telah memastikan ringgit kekal pada tahap yang tidak pernah dilihat sejak krisis kewangan tahun 1998. Segala ketidaktentuan daripada luar ini telah menyebabkan pertumbuhan ekonomi Malaysia diramal pada kadar 4.5% kepada 5.5% pada tahun 2016.

Menguruskan ekonomi ketika masa yang mencabar ini memerlukan disiplin fiskal yang kuat, amalan kewangan yang lebih cermat dan berhati-hati dan sasaran program perbelanjaan untuk menggalakkan ekonomi domestic demi menghadapi persekitaran ekonomi luar yang perlahan. Segala kemahuan ini adalah tidak bermakna sekiranya kita terus dicemari dengan tuduhan-tuduhan rasuah pada peringkat yang paling tinggi, salah guna kuasa pada institusi-institusi penting dan keengganannya kemahuan politik dalam membawa perubahan urus tadbir.

Akibatnya, para pelabur telah menghukum kita dengan menarik kembali lebih dana USD3 bilion, jumlah tertinggi dikeluarkan sejak krisis ekonomi pada tahun 2008. Pelaburan langsung asing juga telah mengecil hampir 42% pada separuh tahun pertama 2015 berbanding tempoh yang sama pada tahun lepas. Ringgit menjadi matawang Asia yang paling lemah prestasinya pada tahun 2015, rizab antarabangsa jatuh sebanyak USD2.2 bilion pada bulan Ogos 2015, tahap yang paling rendah dalam masa 6 tahun, pada masa yang sama Bank Negara Malaysia berusaha keras untuk menghadapi penurunan ringgit.

Ringgit yang semakin lemah akan meningkatkan kos import, yang akan menyebabkan kos sara hidup meningkat, satu masalah yang menjadi semakin parah dengan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST). Segala faktor ini telah memudarkan pembelian dan penggunaan pengguna kerana sentiment pengguna telah jatuh pada tahap yang paling rendah sejak tahun 2008. 9 daripada 10 pengguna Malaysia telah menukar tabiat berbelanja pada tahun 2015 untuk menambah simpanan isi rumah¹. Kami menjangkakan perbelanjaan peribadi pada tahun 2016 akan menjadi lembap selagi mana tidak ada usaha untuk meningkatkan keyakinan pelabur.

¹ Nielsen, 2015

Terjemahan Teks Belanjawan Alternatif *Pakatan Harapan*: Mengelakkan Krisis (Averting a Crisis)

Secara serentak, kenaikan kos sara hidup hanya akan menyebabkan lebih ramai rakyat Malaysia yang berpendapatan rendah dan sederhana terheret dalam kancang hutang dan kemuflian. Malaysia pada masa ini merekodkan hutang isi rumah yang paling tinggi antara 14 ekonomi Asia dengan kadar tersebut meningkat ke 88% daripada Keluaran Negeri Dalam Kasar (KDNK) pada tahun 2014, di mana separuh daripada jumlah itu adalah mereka yang memiliki pendapatan bawah RM5,000 sebulan². Tambahan pula, sebanyak 5,547 individu di bawah umur 35 tahun diisyiharkan muflis pada tahun 2014, suatu angka dua kali ganda sejak tahun 2005³. Pola ini adalah berbahaya, jikalau tidak diselesaikan akan mengganggu cita-cita Malaysia untuk menjadi sebuah ekonomi yang berpendapatan tinggi.

Selain itu, kos menjalankan perniagaan yang tinggi turut memaksa syarikat-syarikat menangguhkan segala pelan untuk mengembangkan syarikat. Permohonan pinjaman perniagaan di Malaysia yang menjadi salah satu petunjuk penting kepada pertumbuhan sektor swasta turut secara signifikan bergerak perlana dalam masa ringgit merudum dan keadaan ekonomi yang turun naik⁴. Sesungguhnya perbelanjaan yang melampau dan ketagihan berhutang telah mengecilkan ruang fiskal kerajaan. Kekurangan kemahuan politik untuk melakukan perubahan terhadap institusi dan membasmi rasuah bermaksud rakyat akan terus membayar kesilapan Barisan Nasional.

Selain itu juga wujudnya kekurangan ketelusan berkaitan pinjaman keseluruhan kerajaan. Kerajaan BN mengalihkan liabiliti di luar belanjawan dalam usaha mereka untuk memberikan gambaran kedudukan fiskal yang lebih baik. Pinjaman yang boleh dikutip semula, pelaburan dan jaminan kerajaan adalah tiga sumber utama kepada item-item di luar belanjawan, sementara surat sokongan tidak direkodkan dalam tanggungan luar jangka. Pakatan Harapan menjangkakan pada tahun 2013, barang-barang luar belanjawan dijumlahkan pada RM138.9 bilion. Sekiranya item-item tersebut dicampurkan bersama hutang kerajaan pada tahun 2013, sudah tentu kita akan mencecah paras siling hutang KDNK sebanyak 66% lantas melangkaui 55% paras siling hutang yang dibenarkan daripada KDNK.

Kami telah mengenal pasti 5 punca utama yang menyebabkan krisis ekonomi sekarang seperti yang digambarkan menerusi diagram selanjutnya. Butir-butir cadangan penyelesaian untuk mengelakkan kemelesetan ini turut dinyatakan dalam laporan ini.

² Standard & Poor, August 2015

³ Malaysia Department of Insolvency

⁴ Kok, C., Malaysian business expansion on hold on falling ringgit, economic uncertainties, The Star Online, 10 September 2015, at <http://www.thestar.com.my/Business/Business-News/2015/09/10/Expansion-on-hold/?style=biz>




Diagram 1: Titik tekanan dan faktor-faktor luaran yang menyebabkan krisi ekonomi yang akan datang.

1. Langkah-langkah Pakatan Harapan dalam mengelakkan krisis ekonomi



1.1 Langkah pertama: Memulihkan keyakinan pasaran

Tindakan yang tegas dan muktamad adalah diperlukan untuk memulihkan keyakinan pasaran menerusi kewibawaan dan kebertanggungjawaban kerajaan Malaysia dan menghentikan kejatuhan nilai ringgit. Untuk mengakhiri masalah ini, lima langkah pembakaian dan pencegahan mesti diambil dengan segera.

Pertama, 1MDB harus diletakkan dalam pentadbiran. 1MDB bukan sahaja kekurangan tujuan strategik untuk kewujudannya memandangkan Malaysia sudah pun memiliki dana kekayaan negara yang cukup (Khazanah Nasional, PNB, EPF) tetapi mengekalkan kewujudan 1MDB akan mewujudkan reputasi buruk dan bebanan kewangan kepada negara. Aset-aset negara akan digadaikan untuk membayar hutang (contohnya, 1MDB sekarang harus membayar lebih kurang RM6 juta setiap hari hanya untuk kadar faedah bank sahaja) apabila aset-aset tersebut sepatutnya digunakan untuk kegunaan yang lebih produktif.

Tambahan pula, isu-isu tinggalan yang membelenggu 1MDB memburukkan imej antarabangsa Malaysia secara keseluruhannya; menyebabkan para pelabur menganggap syarikat tersebut mewakili negara kita. Gambaran yang tidak benar ini akan berlanjutan selagi mana 1MDB kekal beroperasi dan akan membawa penarafan kredit yang lebih rendah untuk Malaysia. Oleh yang demikian, lebih pantas 1MDB diletakkan dalam pentadbiran, lebih cepat segala prasangka buruk dapat dibetulkan dan segala kerosakan dapat dibaiki.

Pelan rationalisasi hutang BN untuk 1MDB gagal untuk menangani isu-isu penting seperti kehilangan berbilion, kegagalan pengawalan pemantauan, kegagalan urus tadbir korporat, rasuah, dan salah guna kuasa. Sebaliknya, segala pelan tersebut kelihatan sebagai satu percubaan untuk mengalihkan pandangan terhadap segala salah laku dengan membenarkan Dato Sri Najib Razak untuk mendakwa bahawa 1MDB dalam keadaan yang baik syarikat tersebut dalam proses untuk mengurangkan hutang-hutangnya kepada tahap yang boleh diurus. Walau bagaimanapun, ketidakpercayaan pelabur dan keimbangan masyarakat terus berkekalan sehingga tindakan menghukum diambil dan perubahan keinstitusian diperkenalkan untuk mengelakkan kisah 1MDB daripada berulang.

Kedua, penyiasatan kawal selia dan forensik mesti dimulakan semula untuk menjejak wang yang telah hilang. Segala halangan berterusan kepada penyiasatan terhadap 1MDB seolah-olah menggambarkan sikap terdesak pentadbiran Najib dalam menyembunyikan kebenaran. Pakatan Harapan akan meminta pertolongan daripada Interpol dan badan-badan kawal selia daripada negara lain untuk mengenalpasti dan membekukan dan memulangkan aset-aset yang telah dicuri ke Malaysia.

Ketiga, Perdana Menteri Najib Razak harus meletak jawatan daripada terus memainkan peranan utama berkenaan isu-isu berkaitan. Barang siapa yang didapati terlibat mestilah didakwan dan dibicarakan. Setiap pesalah, termasuk ahli politik dan pegawai kerajaan mesti dibawa ke muka pengadilan. Mahkamah harus mengenakan hukuman yang berpadanan dengan keseriusan tahap jenayah yang telah dilakukan untuk mengelakkan pesalah yang sama pada masa depan.

Keempat, perubahan keinstitusian harus diperkenalkan untuk meyakinkan para pelabur bahawa situasi seperti 1MDB tidak akan berlaku lagi. Sesebuah negara cenderung untuk musnah sekiranya

Terjemahan Teks Belanjawan Alternatif *Pakatan Harapan*: Mengelakkan Krisis (Averting a Crisis)

memiliki institusi politik yang memusatkan kuasa politik di tangan individu tertentu dan ketiadaan semak dan imbang ataupun kedaulatan undang-undang⁵. Situasi ini akan mewujudkan institusi ekonomi yang akan mewujudkan pengagihan peluang yang tidak seimbang, pendapatan dan sumber. Oleh itu, Pakatan Harapan adalah komited untuk membawa perubahan untuk mengukuhkan undang-undang dan institusi supaya berperanan untuk semak dan imbang terhadap kuasa-kuasa. Perubahan-perubahan tersebut adalah termasuk:

- Pemisahan portfolio Perdana Menteri dan Menteri Kewangan untuk menghindarkan pemusatan melampau kuasa ke tangan satu individu
- Kawal selia Parlimen terhadap dana pelaburan negara untuk meningkatkan kebertanggungjawaban
- Kebertanggungjawaban dan kebebasan penuh terhadap badan-badan penguatkuasa, termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Peguam Negara, Bank Negara Malaysia, kepada Parlimen; dan
- Lantikan bukan politik badan penguatkuasa

Akhir sekali, Pakatan Harapan percaya bahawa kejatuhan nilai ringgit dan inflasi harus ditangani dengan kadar segera. Melihatkan keadaan sekarang yang luar biasa, kami yakin pimpinan yang stabil akan menjadi aset dalam menghadapi krisis yang mendatang. Oleh yang demikian, kami menyokong untuk meletakkan Tan Sri Zeti Akhtar Aziz sebagai Gabenor Bank Negara Malaysia untuk tempoh dua tahun lagi. Sikap beliau yang dilihat bebas dan tidak berat sebelah dalam menangani skandal kewangan 1MDB menyerahkan keupayaan beliau dalam menguruskan hal ehwal kewangan negara.

Diagram 2: Langkah pembaikan dan pencegahan untuk meningkatkan keyakinan pasaran



⁵ Acemoglu, D.; Robinson, J.; Why Nations Fail: The Origins of Power, Prosperity, and Poverty, 1st ed, New York: Crown (2012)

1.2 Langkah kedua: Menyediakan bantuan kewangan kepada rakyat



1.2.1 *Diagram 3: Penyelesaian segeran dan jangka sederhana sebagai bantuan kewangan untuk rakyat.*

Pengurangan GST

Kami meramalkan Malaysia bakal berhadapan dengan kadar inflasi yang lebih tinggi pada tahun hadapan disebabkan GST dan kejatuhan nilai ringgit. Maka, kami mencadangkan tindakan segera dengan mengurangkan kadar GST kepada 0% untuk menstabilkan inflasi dan untuk mengurangkan *deadweight loss of the tax* seperti yang digambarkan menerusi diagram di bawah.




Diagram 4: Cukai Deadweight loss disebabkan inflasi dan GST

Terjemahan Teks Belanjawan Alternatif *Pakatan Harapan*: Mengelakkan Krisis (Averting a Crisis)

Kami percaya pengurangan GST sebanyak 0% boleh diseimbangkan menerusi penjimatan daripada membasi pembaziran dan rasuah, termasuklah pendapatan tambahan hasil daripada pelaksanaan Cukai Menambah Kekayaan (CGT). Menggunakan “linear computation”, pengurangan GST sebanyak 0% bermaksud kehilangan pendapatan sebanyak RM16 bilion. Berdasarkan model keseluruhan fiskal kami, Pakatan Harapan akan meraih pendapatan RM3.5 bilion, termasuklah simpanan berjumlah RM30 bilion daripada pembasmian pembaziran dan rasuah. Oleh itu, kami yakin pengurangan GST sebanyak 0% tidak akan memberi kesan kepada kedudukan fiskal secara keseluruhan terhadap kerajaan. Malah, pengurangan kepada 0% akan membantu keadaan makroekonomi keseluruhan negara dengan meringankan inflasi.

Akhir sekali, kami mengambil maklum bahawa pengguna dan perniagaan terkesan daripada pelaksanaan GST pada kadar 6%. Pengguna dipaksa untuk membayar lebih, dan kebiasaannya lebih daripada 6% dan perniagaan menghadapi aliran tunai yang mengecil disebabkan ketidakcekapan sistem rebat. Tambahan pula, keputusan daripada tinjauan kami menunjukkan bahawa jawapan balas daripada golongan 40% rakyat terbawah adalah negative. Ini menunjukkan permintaan yang jelas untuk mengkadar sifarkan lebih banyak barang keperluan harian. Oleh itu, kami mencadangkan untuk mengembangkan senarai GST barang berkadar sifar untuk memasukkan barang ini: kad prabayar telefon bimbit, lampin pakai buang, dan susu tepung antaranya.

1.2.2 Pengurangan Cukai untuk Golongan Pertengahan

Hanya 17% daripada sumber tenaga kerja di Malaysia yang membayar cukai pendapatan. Hal ini kerana kebanyakan yang lain tidak memiliki pendapatan yang cukup untuk memenuhi lingkungan cukai. Keadaan ini menjelaskan suatu hakikat bahawa majority rakyat Malaysia adalah dibayar rendah.

Pakatan Harapan adalah komited terhadap pelaksanaan percukaian yang progresif. Kami percaya bahawa rakyat kelas bawahan dan pertengahan patut diberikan kadar cukai yang lebih rendah untuk tahun 2016 untuk membantu mereka menghadapi inflasi yang lebih tinggi. Untuk memastikan pengurangan antara 1% hingga 3% daripada jumlah keseluruhan kadar yang boleh dicukai, kita perlu untuk menaikkan kadar 1% hingga 3% daripada kelas atasan pertengahan dan kelas atasan untuk mewujudkan keseimbangan. Setakat ini, kami telah melakukan pengiraan berdasarkan keadaan cukai yang boleh dilaksanakan dan lebih adil untuk semua seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2 di bawah.

**Terjemahan Teks Belanjawan Alternatif *Pakatan Harapan*:
Mengelakkan Krisis (Averting a Crisis)**

Jadual 1: Anggaran pendapatan daripada cukai daripada pelbagai kelas pendapatan daripada seluruh tenaga kerja Malaysia setakat tahun 2015

Estimated Annual Salary		Range of Taxable Income		Salary (RM) Thresholds	Rate (%)	Tax (RM)	Probability Distribution	Estimated Workforce (people)	Current tax collection (RM)	Proposed tax rate (%)	Proposed tax collection (RM)
Min (RM)	Max (RM)	Min (RM)	Max (RM)								
0	10,000	0	2,500 first following	2,500	0.0	0	0.19817	1,950,166	0	0.0	0
10,001	20,000	2,501	5,000 first following	2,500	0.0	0	0.19077	1,877,320	0	0.0	0
25,001	40,000	5,001	10,000 first following	5,000	0	0	0.17299	1,702,366	85,118,313		85,118,313
40,001	60,000	10,001	20,000 first following	10,000	1.0	50	0.12362	1,216,532	121,653,206		121,653,206
60,001	85,000	20,001	35,000 first following	20,000	1.0	100	0.09923	976,559	730,419,178		505,423,664
85,001	100,000	35,001	50,000 first following	35,000	5.0	750	0.06727	661,956	990,933,877		837,293,796
100,001	130,000	50,001	70,000 first following	50,000	10.0	1,500	0.05916	582,220	1,861,104,431		1,676,625,891
130,001	170,000	70,001	100,000 first following	70,000	16.0	3,200	0.02817	277,261	1,741,743,163		1,741,743,163
170,001	240,000	100,001	150,000 first following	100,000	24.0	12,000	0.02624	258,225	3,092,202,592		3,156,623,479
220,000	320,000	150,001	250,000 first following	150,000	24.0	23,900	0.01275	125,471	2,611,315,400		2,720,120,208
320,001	470,000	250,001	400,000 first following	250,000	24.5	47,900	0.01095	107,758	3,935,101,171		4,015,409,358
470,001	1,200,000	400,001	1,130,000 first following	400,000	25.0	84,650	0.00968	95,224	9,522,402,652		9,667,662,424
1,200,000		1,130,001				0.00100		9,841	2,054,006,017		2,218,326,498
						25.0					27.0
Total Income Tax Collection (RM)								26,746,000,000			26,746,000,000

Pengiraan keadaan perculaian

- Pekerja yang berpendapatan rendah (gaji tahunan sebanyak RM20,000 atau RM1,666/sebulan) yang tidak memiliki pendapatan yang melayakkan mereka membayar cukai pendapatan pada tahun 2015 akan terus tidak membayar cukai pendapatan untuk tahun 2016;
- Pekerja yang berpendapatan pertengahan rendah (gaji tahunan antara RM25,001 dan RM60,000 atau antara RM2,038/sebulan dan RM5,000/sebulan) yang membayar cukai pendapatan antara RM50 dan RM100 pada tahun 2015 akan terus membayar jumlah yang sama pada tahun 2016;
- Pekerja yang berpendapatan pertengahan (gaji tahunan antara RM60,001 dan RM130,000 atau antara RM5000/sebulan dan RM10,833/sebulan) yang membayar cukai pendapatan antara RM150 dan RM5,600 pada tahun 2015 akan membayar cukai yang lebih rendah antara RM150 ke RM5,300 pada tahun 2016;
- Pekerja yang berpendapatan pertengahan atas (gaji tahunan antara RM130,001 dan RM170,000 atau antara RM10,833/sebulan dan RM14,166/sebulan) yang membayar cukai pendapatan antara RM5,600 dan RM6300 akan membayar cukai yang sama untuk tahun 2016; dan
- Pekerja yang berpendapatan tinggi (gaji tahunan sebanyak RM170,001 dan ke atas atau RM14,166/sebulan) yang membayar cukai pendapatan paling kurang RM11,900 pada tahun 2015 akan membayar cukai yang melebihi RM11,900.

Secara keseluruhannya, kerajaan tidak akan mendapat pulangan cukai yang bersih daripada keadaan keadaan perculaian ini. Pengubahsuaian kadar cukai daripada 1% ke 3% akan memberikan peluang dan ruang kepada rakyat bawahan dan pertengahan untuk menghadapi tahun yang mencabar pada tahun 2016. Pada masa yang sama, kita akan memohon kepada rakyat kelas pertengahan atasan dan kelas atasan untuk membantu dari segi kewangan kepada rakyat yang kurang bernasib baik.

Untuk pengiraan yang lebih terperinci, kami telah menggunakan data-data yang berikut:

- Menggunakan data tahun 2014 daripada Jabatan Perangkaan Malaysia⁶, data ini menunjukkan gaji median dan gaji min untuk setiap pekerja adalah masing-masing RM1,575 dan RM2,231 dan fakta menunjukkan bahawa pada sela keyakinan (*confidence interval*) adalah pada 95%, gaji min bulanan adalah dalam julat RM2,197 hingga ke RM2,264⁷, kami telah berjaya mengira pendapatan yang boleh dicukai dan jangkaan saiz populasi yang membayar cukai dalam setiap linkungan cukai. Kami juga mengambil kira tahap pendapatan yang boleh dicukai untuk pembayaran pentaksiran cukai untuk tahun 2014 adalah RM34,455.
- Berdasarkan pengiraan kami, taraf sisihan gaji bulanan tenaga kerja Malaysia diramalkan kira-kira RM 3,828.90. Taraf sisihan tinggi ini yang kurang daripada median gaji bulanan menunjukkan kepencongan yang jelas (i.e. ketaksamaan pendapatan etara) dalam kalangan tenaga kerja Malaysia di spektrum gaji bulanan.
- Contohnya, berdasarkan ramalan gaji tahunan antara RM60,000 ke RM85,000 (contohnya, linkungan pendapatan yang boleh dicukai adalah RM20,001 ke RM35,000) kami meramalkan seramai 976,559 orang berada dalam kategori ini, menjadikan keseluruhan kutipan cukai pendapatan untuk kumpulan ini dianggarkan sebanyak RM730,419,178 pada tahun 2015.

⁶ Salaries and Wages Report Malaysia 2014, Department of Statistics

⁷ Pg. 57, Salaries and Wages Survey Report Malaysia 2014, Department of Statistics

**Terjemahan Teks Belanjawan Alternatif *Pakatan Harapan*:
Mengelakkan Krisis (Averting a Crisis)**

Cadangan kami adalah menurunkan bayaran cukai mereka daripada jumlah maksimum RM750 kepada maksimum RM525 pada tahun 2016.

Untuk membantu rakyat kelas pertengahan dalam menghadapi kos sara hidup yang semakin meningkat, kami mencadangkan agar kadar cukai diturunkan antara 1-3% dengan kejatuhan pendapatan daripada dicukai akan diimbangi dengan peningkatan kadar cukai antara 1-3% untuk golongan pembayar cukai kelas atasan.

Untuk mereka yang menerima gaji antara RM220,000 dan RM320,000 setahun (RM18,333/sebulan hingga RM26,666/sebulan), mereka akan membayar akan membayar pada kadar cukai antara 10.9% dan 15.0% selepas mengambil kira pemotongan cukai yang munasabah. Dalam erti kata yang lain, untuk setiap ringgit yang diperoleh oleh golongan dalam kelas ini, dianggarkan antara 11 hingga ke 15 sen akan disumbangkan sebagai cukai kepada kerajaan. Kami percaya bahawa kerangka perculaian yang ada sekarang adalah sesuai untuk kumpulan ini.

Walau bagaimanapun, kami juga sedar wujudnya rakyat yang memperoleh gaji melebihi RM40,000/sebulan yang boleh diletakkan dalam kumpulan kelas atasan dan golongan maha kaya yang memperoleh sekitar RM100,000/sebulan. Kami mencadangkan agar kadar cukai untuk mereka yang memperoleh RM10,833/sebulan hingga ke RM14,166/sebulan dikekalkan. Untuk mereka yang dalam kumpulan berpendapatan tinggi melebihi RM40,000/sebulan, kami mencadangkan agar kadar cukai mereka dinaikkan daripada 1.5% hingga ke 26.5%. Selepas pemotongan cukai, mereka sebenarnya membayar cukai pada kadar sekurang-kurangnya 18.1%. Untuk golongan maha kaya yang memperoleh RM100,000/sebulan, kami akan tingkatkan kadar cukai daripada 2% hingga 27%. Maka, kadar cukai yang sebenar yang berkuatkuasa adalah sekurang-kurangnya 18.7% pada tahun 2016.

1.2.3 Pembayaran bantuan kewangan tunai secara bersyarat

Kami mengambil maklum bahawa kerajaan membelanjakan kira-kira RM5.0 bilion untuk BR1M pada tahun 2015. Kami telah menyemak laporan-laporan bahawa kerajaan mungkin menaikkan lagi bayaran selepas ini yang akhirnya akan menjadikan program BR1M mencecah tahap yang sukar untuk dikekalkan. Sekiranya Pakatan Harapan menarik kesemua pembayaran wang tunai pada tahun 2016, kami percaya hasil kejutan penarikan itu akan membawa lebih mudarat berbanding kebaikan. Sebagai langkah sementara untuk tahun 2016, kami dengan ini mencadangkan agar sebarang pembayaran bantuan wang mestilah bersyarat iaitu bekerja dan kehadiran wajib ke sekolah. Untuk langkah jangka masa sederhana, kami akan menumpukan usaha untuk meningkatkan gaji sara hidup sebagai cara yang lebih sesuai untuk menyelesaikan masalah kemiskinan. Apabila gaji sara hidup telah meningkat dan bertambah baik, kami akan hentikan program pembayaran bantuan kewangan ini dan akan lebih tertumpu kepada kebijakan masyarakat untuk rakyat termiskin.

Pakatan Harapan percaya bahawa wujudnya keperluan untuk merombak BR1M memandangkan langkah ini tidak memberikan kesan yang besar dalam mengurangkan kemiskinan. Kami juga sedar bahawa budaya pemberian wang tunai ini boleh mengurangkan produktiviti. Malah, kami juga sedar bahawa model BR1M sekarang adalah tertakluk kepada unsur-unsur politik dan rasuah. Maka, sistem yang lebih telus, cekap dan bersyarat adalah diperlukan. Oleh itu, kami mencadangkan agar pembayaran wang tunai ini dilakukan dengan dua syarat: (a) bekerja; dan (b) pendidikan wajib. Kami yakin bahawa bantuan kewangan ini perlu diperoleh dengan melepas syarat dan bukannya diberikan begitu sahaja.

Gaji sara hidup dianggarkan sebanyak 66% daripada gaji median (tahap gaji rendah yang ditetapkan OECD) dan gaji median sekarang adalah RM1,575 (+4.9% untuk tahun ke tahun). Angka-angka ini menyatakan bahawa untuk tahun 2016 gaji sara hidup adalah RM1,200. Pakatan Harapan menyokong penuh menyemak semula tahap gaji dan akan menjadikan isu ini sebagai isu kebangsaan menerusi Majlis Perundingan Gaji Negara.

Cara yang paling cekap tanpa ada unsur politik dalam pemberian bantuan wang tunai ini adalah dengan menggunakan sistem yang dipakai oleh KWSP sekarang. Sebarang pembayaran wang kepada pekerja bergaji rendah akan dibayar menerusi majikan dalam bentuk penambahan gaji pekerja. Wang daripada kerajaan itu boleh datang menerusi pemindahan terus ataupun rebat cukai ataupun gabungan kedua-dua cara.

Kedua, kami mencadangkan sebuah lagi bentuk bayaran iaitu kepada isi rumah yang menghantar anak-anak ke sekolah yang meraih pendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan. Setiap bentuk bayaran adalah bersyarat iaitu kehadiran ke sekolah mestilah sebanyak 90%. Ini adalah bertujuan untuk mengurangkan kadar kecinciran daripada sekolah terutamanya daripada keluarga berpendapatan rendah untuk memastikan mobiliti sosial dan pada masa yang sama meningkatkan pendapatan isi rumah.

Untuk mereka yang tidak layak untuk kategori boleh bekerja, kami akan besarkan program khidmat masyarakat. Dua program ini akan menelan belanja sekitar RM5.0 bilion.

1.3 Langkah ketiga: Menyediakan bantuan kewangan untuk perniagaan

Dalam keadaan kos menjalankan perniagaan semakin meningkat dan ketidaktentuan ekonomi, syarikat-syarikat mengambil keputusan untuk menangguhkan dahulu sebarang usaha pengembangan syarikat. Pakatan Harapan bimbang berkenaan kesan domino terhadap pertumbuhan gaji, yang akan memberi impak kepada keupayaan pekerja untuk menghadapi kos sara hidup yang semakin meningkat, dan pertumbuhan ekonomi yang perlahan yang akan mengheret Malaysia ke dalam kemelesetan. Maka, kami mencadangkan agar beberapa inisiatif diambil untuk mengukuhkan aktiviti perniagaan pada keadaan ekonomi yang meruncing ini.

1.3.1 Pelepasan cukai untuk mengekalkan keuntungan

Antara punca nilai ringgit merudum adalah disebabkan pudarnya keyakinan pelabur. Kami khuatir sekiranya syarikat-syarikat berkemungkinan mengisyiharkan jumlah penuh bayaran dividen kepada pemegang saham pada tahun 2016 dan kemudiannya akan melakukan tindakan melarikan modal (*capital flight*) yang akhirnya akan menjelaskan lagi nilai ringgit. Dalam masa kemelesetan, kami percaya bahawa syarikat perusahaan ini sepatutnya melabur dalam perbelanjaan modal atau menyimpan wang yang cukup untuk membina keutuhan dan menggalakkan ekonomi domestik.

Untuk tidak menggalakkan larian modal daripada berlaku dan menggalakkan syarikat membina keutuhan mereka, kami mencadangkan satu skim keuntungan pelaburan semula dilaksanakan sehingga krisis ekonomi selesai. Skim ini akan menyediakan 50% rebat cukai untuk cukai pendapatan korporat sekiranya syarikat korporat melaburkan kembali sekurang-kurangnya 80% daripada keuntungan selepas cukai untuk dibelanjakan bagi perbelanjaan modal. Perbelanjaan modal termasuklah:

- Mengambil alih aset tetap dan dalam beberapa keadaan aset tak ketara (*intangible asset*)
- Membaiki atau menaik taraf aset sedia ada untuk meningkatkan kegunaan atau pun fungsinya
- Menyediakan aset untuk digunakan dalam perniagaan
- Membaik pulih aset untuk kegunaan baru atau kegunaan lain; atau
- Memulakan atau memperoleh perniagaan yang baru.

Akhirnya, kami hendak menggalakkan perniagaan untuk mengguna pakai pemikiran jangka masa yang lebih panjang dan untuk memastikan pemegang saham tidak mengeruhkan situasi larian modal dan mencetuskan tekanan yang tidak perlu kepada ringgit. Skim tersebut digambarkan dalam diagram di bawah.




Diagram 5: Gambaran skim insentif pelaburan semula

1.3.2 Mengurangkan dividen petroleum untuk membantu PETRONAS

Kerajaan BN telah berubah menjadi terlalu bergantung kepada pendapatan gas dan minyak PETRONAS. Dengan hampir 30% pendapatan Persekutuan datang daripada sektor gas dan minyak, kebergantungan ini akan melemahkan kedudukan kewangan PETRONAS. Untuk memastikan PETRONAS kekal teguh, PETRONAS perlu melabur dalam telaga minyak baru, teknologi, dan menjalankan aktiviti kajian penyelidikan dan pembangunan.

Memandangkan harga minyak global yang meleset berterusan memberikan impak negatif kepada pendapatan PETRONAS, kami mencadangkan pengurangan bayaran dividen daripada PETRONAS sebanyak RM6.0 bilion. Daripada jumlah asal RM26.0 bilion, kami hanya akan meminta pembayaran dividen sebanyak RM20.0 bilion sahaja untuk tahun 2016. Kami sedar kepentingan untuk melindungi PETRONAS sebagai aset penting negara, dan langkah ini akan memberikan ruang kepada PETRONAS untuk menghadapi cabaran yang pelbagai. Kami sedar bahawa projek gas petroleum cair di Kanada⁸ sedang menghadapi beberapa masalah, termasuklah hanya 14 daripada 39 pelantar minyak PETRONAS yang akan terus beroperasi pada hujung tahun 2015⁹.

Sejak awal tahun 2015, segala cabaran ini membawa perkhabaran bahawa PETRONAS sedang menghadapi masalah dalam menguruskan perbelanjaan modal dan mengurus. PETRONAS telah pun menggunakan rizab tunainya untuk memenuhi komitment dividen yang harus dibayar kepada kerajaan berjumlah RM26.0 bilion¹⁰. Berdasarkan *PETRONAS's Group Interim Financial Report*¹¹, wang syarikat dan wang bersamaan rizab berjumlah RM126.881 bilion pada suku kedua 2015, telah pun menurun daripada RM133.832 bilion pada suku pertama 2015¹². Dalam keadaan ekonomi yang meleset seperti yang ditunjukkan oleh 25 pelantar minyak PETRONAS yang terbiar tidak digunakan daripada 39 pelantar minyak¹³ dan tindakan menarik diri daripada operasi di Mauritania¹⁴ hujung tahun 2015, syarikat ini sepatutnya diberikan lebih ruang kewangan untuk pelaburan semula dalam perbelanjaan modal dan perbelanjaan mengurus untuk mengekalkan prestasi kompetitif untuk jangka masa panjang. Keadaan ini memerlukan perhatian dan pertimbangan segera memandangkan harga minyak global dijangka kekal rendah untuk tahun 2015¹⁵ memandangkan OPEC berlumba-lumba mengekalkan saham pasaran global terhadap pengeluar minyak Amerika Syarikat.

Cadangan kami dalam Belanjawan 2016 adalah untuk menghadkan sumbangan dividen PETRONAS kepada kerajaan kepada RM20.0 bilion pada tahun 2016 untuk memberikan ruang kewangan yang lebih kepada PETRONAS. Kita tidak mampu untuk kehilangan aset negara yang sangat penting dan tidak ternilai ini.

⁸ Malaysia's Petronas says remains committed to Canadian LNG project, Reuters, 8 October 2015, at <http://www.reuters.com/article/2015/10/09/petronas-canada-idUSL3N12918220151009>

⁹ Petronas lowers rig count, The Star, 17 August 2015, at <http://www.thestar.com.my/Business/Business-News/2015/08/17/Petronas-lowers-rig-count/?style=biz>

¹⁰ <http://www.theedgemarkets.com/my/article/petronas-tap-cash-reserves-dividend-payment>

¹¹ <http://www.petronas.com.my/investor-relations/Documents/financial-results/Financial%20Results%20Second%20Quarter%20Ended%2030%20June%202015.pdf>

¹² [http://www.petronas.com.my/investor-relations/Documents/financial-results/First%20Quarter%20Ended%2031%20March%202015%20\(FY2015\).pd](http://www.petronas.com.my/investor-relations/Documents/financial-results/First%20Quarter%20Ended%2031%20March%202015%20(FY2015).pd)

¹³ <http://www.thestar.com.my/Business/Business-News/2015/08/17/Petronas-lowers-rig-count/?style=biz>

¹⁴ <http://www.theedgemarkets.com/my/article/petronas-quitting-mauritania-revenue-oil-price-fall-report>

¹⁵ <http://www.wsj.com/articles/opec-sees-weak-oil-prices-through-2015-1441893593>

1.4 Menutup ketirisan dan mewujudkan disiplin fiskal

Dalam bahagian ini, kami akan menerangkan masalah pengenduran ruang fiskal dan mengapa kerajaan BN senantiasa melaksanakan dasar yang tidak tepat dalam menangani isu ini.

1.4.1 Ruang fiskal yang terkekang

Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) menakrifkan ‘ruang fiskal’ sebagai “ruang untuk perbelanjaan kerajaan yang membenarkan penyediaan sumber untuk tujuan tertentu tanpa mengancam kedudukan kewangan atau pun kestabilan ekonomi.” Perbelanjaan melampau untuk bertahun-tahun, pinjaman yang tinggi, dan kebergantungan tinggi terhadap pendapatan minyak telah mengecilkan ruang fiskal kerajaan dan meningkatkan ancaman terhadap kejutan daripada luar, seperti hanya minyak global yang menjunam. Segala keadaan tersebut dijelaskan dalam diagram di bawah.




Diagram 6: Empat faktor yang menyebabkan ruang fiskal kerajaan terkekang

1.4.2 Pilihan-pilihan dasar

Sekalipun wujud pelbagai pilihan dasar untuk meningkat ruang fiskal, keutamaan yang paling penting adalah untuk menutup ketirisan. Sepatutnya disiplin fiskal perlu dipertingkat, tetapi Barisan Nasional telah memaksa rakyat untuk merasai sendiri kesan daripada kesilapan urus tadbir ekonomi menerusi GST; menunjukkan kurangnya kemauan politik untuk perubahan dan sikap ketidakpedulian kepada kesusahan hidup yang dihadapi majoriti rakyat Malaysia. Dengan rasuah yang semakin membarah, besar kemungkinan segala penambahan pendapatan melalui cukai ini akan dihabiskan tanpa tanggungjawab seperti yang berlaku sebelum-sebelum ini. Beberapa pilihan dasar oleh Pakatan Harapan untuk mencipta ruang fiskal disenaraikan di bawah:

Jadual 2: Pilihan dasar-dasar penting untuk mencipta ruang fiskal

Pilihan-pilihan dasar penting untuk mencipta ruangan fiskal	
1) <i>Menutup ketirisan</i>	Pertama sekali, segala rasuah dan ketirisan di bawah pentadbiran Najib harus dihapuskan.
2) <i>Mengurangkan perbelanjaan mengurus</i>	Daripada terus memansuhkan subsidi, kerajaan terlebih dahulu harus mengurangkan perbelanjaan non-emolumen yang telah meningkat sebanyak 75% antara tahun 2010 dan 2015.
3) <i>Mengurangkan pinjaman luar belanjawan</i>	Cukai sepatutnya dinaikkan hanya selepas kerajaan meningkatkan disiplin fiskalnya. Walau bagaimanapun, cukai yang progresif dan bukan regresif yang sepatutnya dilaksanakan untuk memberikan mobiliti sosial yang lebih baik dan kesaksamaan.
4) <i>Meningkatkan cukai progresif</i>	Cukai sepatutnya dinaikkan hanya selepas kerajaan meningkatkan disiplin fiskalnya. Walau bagaimanapun, cukai yang progresif dan bukan regresif yang sepatutnya dilaksanakan untuk memberikan mobiliti sosial yang lebih baik dan kesaksamaan.
5) <i>Menghentikan kebergantungan kepada minyak dan gas</i>	Kami percaya bahawa kebergantungan kepada minyak dan gas adalah sesuatu yang tidak boleh kekal.
6) <i>Mengkorporatkan GLC</i>	Membenarkan pembelian GLC untuk mewujudkan kumpulan kuat Bumiputera pemilik-pengurus dan membawakan aliran tunai yang diperlukan untuk mengurangkan hutang kerajaan.
7) <i>Menoptimumkan pulangan daripada penjualan aset</i>	Meletakkan harga pasaran kepada tanah kerajaan, contohnya lelongan tanah

1.4.3 Keupayaan Mencipta Simpanan

Pakatan Harapan percaya dengan menghapuskan perbelanjaan sambil lewa menggunakan budi bicara, menutup ketirisan dan pembaziran dan membasmikan rasuah dijangka akan membawa simpanan sebanyak RM30.0 bilion.

Diagram 7: Jumlah keseluruhan simpanan yang berpotensi



Berdasarkan ramalan kami yang terdahulu, jumlah keseluruhan perbelanjaan kerajaan Persekutuan yang terdedah kepada rasuah adalah dianggarkan sebanyak RM124 bilion pada tahun 2014. Menggunakan anggaran konservatif berkenaan kadar ketirisan dan rasuah pada 10%, kami mengunjurkan negara dapat menjimatkan antara RM30 bilion ke RM42 bilion melalui pelan penyusunan semula dan langkah-langkah pembasmian rasuah. Untuk tujuan penulisan kertas ini, kami menggunakan anggaran konservatif yang lebih rendah sebanyak RM30 bilion.

Simpanan penting ini akan diperoleh daripada pengurangan belajawan item yang bukan kritikal, termasuklah:

- RM11 bilion penjimatan daripada pemotongan belanjawan Jabatan Perdana Menteri daripada RM17 bilion ke RM6 bilion.
- RM500 juta penjimatan daripada pemotongan program yang mahal dan tidak diperlukan seperti Jabatan Hal Ehwal Khas, Birotata Negara, TalentCorp dan Program Latihan Khidmat Negara.
- RM100 juta penjimatan menerusi pengukuhan dan penyatuan agensi kerajaan yang bertindan seperti Unit Inovasi Khas, Agensi Inovasi Malaysia, Malaysia Industry Group for High Technology, the Malaysian Productivity Council dan the Malaysian Global Innovation and Creativity Centre (MAGIC).
- RM1.5 bilion penjimatan dengan menyemak semula peruntukan tahunan sebanyak RM4.5 bilion untuk program di bawah Strategi Lautan Biru, Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA).
- RM4.5 bilion penjimatan daripada penurunan kos 10% untuk semua pembekalan dan perkhidmatan menerusi sistem pemerolehan yang telus dan terbuka.

1.5 Langkah kelima: Meningkatkan perbelanjaan pembangunan

Cadangan kerajaan BN untuk menyuntik RM20 bilion ke pasaran saham menerusi ValueCap adalah tidak tepat. Bukan sahaja langkah ini gagal untuk memberikan manfaat kepada majoriti rakyat Malaysia yang tidak memiliki saham, malah merisikokan rakyat kepada hutang yang bernilai RM20 bilion sekiranya saham-saham yang dibawah nilai ini gagal untuk meningkat kembali. Tiga pemegang saham utama ValueCap adalah Permodalan Nasional Berhad, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Khazanah Nasional Berhad; entiti-entiti yang pada suatu masa dahulu telah digunakan BN untuk membantu syarikat-syarikat kroni yang gagal, seperti 1MDB. Dalam sebarang keadaan, kerajaan tidak patut masuk campur ke dalam pasaran untuk menentukan saham mana yang di bawah nilai, tugas yang sepatutnya lebih baik ditinggalkan kepada pasaran itu sendiri. Kerajaan patut menumpukan usaha kepada dasar yang boleh menggalakkan ekonomi secara keseluruhan dan bukan ekonomi yang bersifat spekulatif.

Berbeza dengan Pakatan Harapan, kami mencadangkan penggunaan RM20 bilion itu sebagai perangsang fiskal yang tertumpu kepada pembangunan yang boleh menggerakkan ekonomi dan menjana faedah kepada masyarakat. Perbelanjaan pembangunan mempunyai peranan yang strategik dalam merangsang ekonomi dan menjana produktiviti ekonomi. Walau bagaimanapun, Rancangan Malaysia ke-11 mengunjurkan penguncupan perbelanjaan pembangunan menjelang tahun 2020 sebanyak -0.4% di bawah paras tahun 2015 kepada RM47.6 bilion. Pakatan Harapan akan menumpukan perbelanjaan pembangunan untuk menutup jurang ekonomi antara Malaysia Timur dan Semenanjung Malaysia. Sila rujuk lampiran untuk maklumat lanjut.

Diagram 8: RM20 bilion yang boleh disusun semula untuk penggunaan yang lebih produktif



2. Unjuran Fiskal


2.1 Gambaran Keseluruhan

Untuk bahagian ini, kami mengunjurkan angka pendapatan dan perbelanjaan untuk kedua-dua Barisan Nasional dan Pakatan Harapan. Dalam penyediaan unjuran-unjuran ini, kami bekerja keras menggunakan data-data terbaik yang ada dan melihat pola perangkaan daripada belanjawan-belanjawan terdahulu. Kami menggunakan USD50 sebagai harga media untuk harga minyak mentah untuk tahun 2016 dan mengambil kira penurunan pendapatan daripada cukai korporat, berdasarkan prestasi perlahan aktiviti korporat pada tahun 2015. Kami menganalisis prestasi keseluruhan pola daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Jabatan Kastam dan Eksais. Kami kemudiannya mengambil angka-angka ini dan menjalankan pengiraan menggunakan model matematik dan statistik dan kami telah mencapai unjuran-unjuran ini.

Bahagian ini adalah bahagian yang penting untuk belanjawan ini kerana dokumen ini menterjemahkan segala dasar kami kepada angka-angka yang boleh dilaksanakan. Contohnya, Pakatan Harapan adalah komited untuk pada tahun 2016 untuk menurunkan GST kepada kadar 3%, kemudiannya dasar-dasar ini akan ditunjukkan menerusi jadual pendapatan Pakatan Harapan. Dasar percuakan progresif kami ditunjukkan menerusi model pendapatan kami, pada masa yang sama komitmen kami untuk memberikan ruang kewangan kepada PETRONAS turut diambil kira.

Untuk perbelanjaan tahun 2016, komitmen kami untuk meningkatkan pembangunan modal insan ditonjolkan menerusi perbelanjaan mengurus yang lebih tinggi untuk kesihatan, pendidikan dan pembangunan modal insan. Simpanan kita sebanyak RM30 bilion daripada langkah-langkah penyusunan semula dan pembasmian rasuah akan diagihkan semula menerusi item-item perbelanjaan di setiap kementerian. Segala unjuran ini adalah untuk menunjukkan dan membezakan keupayaan dasar kami dan kedudukan ekonomi.

Diagram 3: Perbandingan antara belanjawan Pakatan Harapan dan Barisan Nasional



2.2 Pendapatan

2.2.1 Unjuran Pendapatan: Kerajaan Barisan Nasional

Unjuran Pendapatan Kerajaan Barisan Nasional 2016: RM236.535 bilion

Sumber pendapatan	Ramalan perubahan daripada 2015 ke 2016	Komen
Pendapatan daripada cukai	- 0.40% <i>RM185.36 bilion (2015) hingga RM184.62 bilion (2016)</i>	Cukai langsung: -7.39% RM135.65 bilion (2015) kepada RM125.63 bilion (2016) <ul style="list-style-type: none"> ▪ Penurunan sebanyak 8.3% untuk pendapatan daripada cukai pendapatan, yang menyebabkan penurunan 10% untuk cukai pendapatan syarikat dan penurunan 20% untuk cukai pendapatan petroleum.
		Cukai tidak langsung: +18.67% RM49.71 bilion (2015) kepada RM58.99 bilion (2016) <ul style="list-style-type: none"> ▪ Dipacu dengan peningkatan 35.91% menerusi pendapatan daripada GST, daripada RM23.70 bilion (2015) kepada RM32.21 bilion (2016)
Pendapatan bukan cukai	+ 0.62% <i>RM49.31 bilion (2015) hingga RM49.62 bilion (2016)</i>	Pendapatan daripada lesen dan permit, yuran perkhidmatan dan sewa dijangka akan mengekalkan momentum daripada 5 tahun terdahulu. Ini akan mengimbangi penurunan sebanyak 1.10% (-RM339 juta) dalam bentuk pendapatan daripada faedah dan pulangan daripada pelaburan. Sila rujuk nota perincian untuk ramalan.
Resit bukan pendapatan	+ 12.0% <i>RM1.25 bilion (2015) hingga RM1.40 bilion (2016)</i>	Dijangka meningkat seperti 5 tahun terdahulu
Pendapatan daripada Wilayah Persekutuan	+ 15.0% <i>RM777 juta (2015) hingga RM894 juta (2016)</i>	Dijangka meningkat seperti 5 tahun terdahulu, disebabkan peningkatan kadar penaksiran
Jumlah pendapatan	- 0.07% <i>RM236.70 bilion (2015) hingga RM236.54 bilion (2016)</i>	Peningkatan untuk jumlah keseluruhan pendapatan akan kebanyakannya dipacu daripada GST (RM32.21 bilion). Sumber pendapatan utama yang lain termasuk cukai pendapatan korporat (RM65.33 bilion), cukai pendapatan individu (RM28.42 bilion) dan dividen PETRONAS (RM26.0 bilion).

Jadual 4: Ringkasan Perubahan Unjuran Pendapatan Barisan Nasional dari tahun 2015-2016

Maklumat lebih lanjut boleh didapati di Jadual 12 di bahagian lampiran.

Trend-trend utama dan proses-proses terlibat

Apabila melakukan unjuran untuk pendapatan kerajaan Persekutuan untuk belanjawan 2016, kami telah menggunakan data daripada dokumen-dokumen terdahulu yang mengandungi anggaran-anggaran perbelanjaan Persekutuan dan telah menemui beberapa trend atau pun kecenderungan untuk setiap jenis pendapatan. Mengandaikan akan berlakunya kecenderungan naik dan turun, dan setelah mengambil kira keadaan ekonomi semasa, kami telah tampil dengan unjuran yang kami yakin akan dibentangkan oleh kerajaan Persekutuan dalam Belanjawan 2016, 23 Oktober 2015. Kecenderungan dan proses terlibat disenaraikan seperti berikut.

Pendapatan daripada cukai	
<i>Cukai Langsung</i>	
<i>Cukai Pendapatan</i>	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Cukai pendapatan individu semakin meningkat secara min dan median masing-masing pada 7.34% dan 7.04% sejak tahun 2010 dan berdasarkan pola bersejarah ini, kami meramalkan peningkatan sebanyak 7.04% untuk tahun 2016, menyediakan kerajaan pendapatan sebanyak RM28.442 bilion daripada cukai pendapatan individu. ▪ Berdasarkan lanskap perniagaan yang perlahan dan jualan menurun yang sangat ketara daripada syarikat multinasional dan industri kecil sederhana, kami meramalkan penurunan cukai pendapatan syarikat sebanyak 10% pada tahun 2016, lantas mencipta pendapatan sebanyak RM65.330 bilion. ▪ Cukai pendapatan petroleum dijangka akan menurun. Berdasarkan pengiraan kami dan data yang diperoleh daripada laporan tahunan dan sukuan 2015, kami menjangkakan penurunan cukai pendapatan petroleum, menurun daripada RM25.60 bilion pada tahun 2015 kepada RM20.48 bilion pada tahun 2016. Anggaran ini adalah berdasarkan separuh daripada pelantar minyak yang tidak digunakan menjelang hujung tahun 2015. Maklumat lanjut berkenaan anggaran kami dinyatakan di bahagian lampiran. ▪ Pada Ogos 2015, PETRONAS mengumumkan mereka sedang menutup 25 pelantar minyak dan hanya akan mengekalkan 14 pelantar minyak sahaja. Kami mengandaikan 25 pelantar minyak tersebut adalah tidak menguntungkan berdasarkan harga minyak mentah sekarang, dan operasi untuk pelantar minyak sedia ada akan ditingkatkan untuk mengimbangi 25 pelantar minyak yang tidak lagi berfungsi. Defisit bersih dijangka akan berlaku, lantas memberi kesan kepada keuntungan keseluruhan PETRONAS dan penurunan pendapatan sebanyak 25%. ▪ Cukai tertahan semakin meningkat secara min dan median masing-masing sebanyak 11.7% dan 6.48% sejak tahun 2010 dan berdasarkan pola bersejarah ini, kami meramalkan peningkatan sebanyak 6.48% pada tahun 2016, lantas menyediakan pendapatan kerajaan sebanyak RM2.426 bilion. ▪ Cukai pendapatan koperasi semakin meningkat secara min dan median masing-masing sebanyak 1.37% dan 1.85% sejak tahun 2010 dan berdasarkan pola yang lepas, kami meramalkan peningkatan sebanyak 1.50% pada tahun 2016, lantas menyediakan RM3.69 juta kepada sumber kerajaan.

**Terjemahan Teks Belanjawan Alternatif *Pakatan Harapan*:
Mengelakkan Krisis (Averting a Crisis)**

<i>Lain-lain</i>	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Duti setem secara min dan median telah menunjukkan peningkatan masing-masing sebanyak 10.2% dan 11.7% sejak tahun 2010, dan mengambil kira pasaran harta tanah yang perlahan, kami meramalkan peningkatan pada kadar yang berkurang sebanyak 6.5% pada tahun 2016 (atau RM7,723 bilion). Jumlah urusan harta tanah juga dijangka menurun, walau bagaimanapun nilai untuk setiap urusan dan transaksi akan meningkat. ▪ Cukai Keuntungan Harta Tanah (RPGT) dijangka berkurang sebanyak 15% daripada 2015, disebabkan pengurangan sub-sale harta tanah, kepada RM756 juta pada tahun 2016, berbanding daripada RM897 juta pada tahun 2015.
Cukai tidak langsung	
<i>Duti Eksport</i>	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Duti eksport minyak mentah dijangka akan terkesan hebat disebabkan kejatuhan harga minyak. Walaupun PETRONAS telah mengurangkan jumlah pelantar minyak daripada 39 ke 14 menjelang hujung tahun 2015, berkemungkinan besar baki pelantar yang masih ada akan beroperasi sepenuh masa untuk menampung penurunan jumlah pengeluaran. Kami menjangkakan duti eksport daripada minyak mentah akan berkurang sebanyak 20% daripada RM2.057 bilion pada tahun 2015 kepada RM1.646 bilion pada tahun 2016. ▪ Duti eksport ke atas minyak sawit dijangka akan meningkat sedikit daripada RM171 juta pada tahun 2015 kepada RM175 juta menjelang tahun 2016.
<i>Duti Import</i>	Kami menjangkakan duti import untuk minuman keras (spirits and malt liquor), tembakau, rokok, dan cerut dan kenderaan bermotor CKD dan CBU akan mengekalkan momentum menaik masing-masing 0.85%, 18.0%, dan 2% dan membawa pulangan masing-masing sebanyak RM82.0 juta, RM33.0 juta dan RM533.0 juta.
<i>Duti Eksais</i>	Kami mengekstrapolasi duti eksais untuk minuman keras (spirits and malt liquor), tembakau, rokok, dan cerut dan kenderaan bermotor dinaikkan masing-masing sebanyak -2%, 3.5%, dan 6.8% (yang membawa pulangan RM1.402 bilion, RM3.974 bilion, dan RM9.016 bilion) seperti yang dipamerkan menerusi pola pertumbuhan bersejarah sejak tahun 2010.
<i>Cukai Jualan</i>	Kami menjangkakan peningkatan yang sedikit pada 5.71% daripada RM2.734 bilion pada tahun 2015 kepada RM2.890 bilion pada tahun 2016.
<i>Cukai perkhidmatan</i>	Kami menjangkakan peningkatan yang sedikit pada 3.68% daripada RM1.874 bilion pada tahun 2015 kepada RM1.943 bilion pada tahun 2016
<i>Levi</i>	Kami menjangkakan peningkatan kecil sebanyak 1.3% daripada barang kenderaan, daripada RM150 juta pada tahun 2015 ke RM152 juta pada tahun 2016.
<i>Lain-lain cukai tidak langsung</i>	Berdasarkan sejarah perkembangan min dan median pada kadar 1.33% dan 1.53% masing-masing, kami menjangka kenaikan sebanyak 1.4% dari RM 2.677 bilion pada 2015 ke RM 2.715 pada 2016.
<i>Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)</i>	Kami menjangkakan Kastam Diraja Malaysia dapat mengutip sebanyak RM32.210 bilion daripada GST pada tahun 2016, berdasarkan ramalan yang dibuat oleh mereka.

Pendapatan daripada bukan cukai	
<i>Lesen dan Permit</i>	Royalti petroleum, lesen kenderaan bermotor, levi ke atas pekerja asing dijangka akan mengekalkan min peningkatan masing masing pada -2.00%, 3.98% dan 2%.
<i>Yuran Perkhidmatan, Jualan Barang dan Sewaan</i>	Semua dijangka akan mengekalkan peningkatan min masing masing pada 6.60%, -0.70% dan 7.0%.
<i>Faedah dan Kutipan daripada Pelaburan</i>	<ul style="list-style-type: none"> ▪ PETRONAS telah membuat komitmen dividen sebanyak RM2.6 bilion kepada kerajaan Persekutuan. ▪ Dividen Bank Negara dijangka akan jatuh kepada RM1.7 bilion, berdasarkan kecenderungan min. ▪ Dividen Khazanah dijangka akan menurun kepada RM450 juta, berdasarkan kecenderungan.
<i>Denda dan Penalti</i>	Dijangka akan meningkat kepada 1.5% (atau RM17.0 juta) berdasarkan kecenderungan.
<i>Lain-lain pendapatan bukan daripada cukai</i>	Diramal akan meningkat sebanyak 11% atau RM243.0 juta berdasarkan kecenderungan.
<i>Pendapatan Bukan Resit</i>	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kami menjangkakan peningkatan sebanyak 12% atau oun RM1.401 bilion, berdasarkan kecenderungan min dan median meningkat sebanyak 30.1% dan 34.9%. ▪ Peningkatan ini adalah disebabkan pembiayaan semula perbelanjaan perkhidmatan awam dan kredit antara jabatan yang diperuntukkan tetapi tidak digunakan. Kami faham bahawa kerajaan Persekutuan sedang membekukan sebarang pengambilan penjawat awam, dan mempertimbangkan untuk mengecilkan saiz perkhidmatan awam memandangkan had umur persaraan adalah pada 60 tahun. Maka, pengiraan simpanan kami adalah antara 3-5% yang akan digandakan sebanyak 4 memandangkan kebanyakan penjawat awam yang senior secara umumnya menelan belanja yang lebih.
<i>Pendapatan daripada Wilayah-Wilayah Persekutuan</i>	Kami menjangkakan peningkatan sebanyak 15% berdasarkan pola. Memandangkan Wilayah Persekutuan telah menaikkan cukai tanah pada tahun 2015, kami menjangkakan cukai tanah akan meningkat untuk tahun 2016.

2.2.2 Unjuran Pendapatan: Pakatan Harapan

Pakatan Harapan Unjuran Pendapatan 2016: RM208.27 billion

Sumber pendapatan	Ramalan perubahan daripada 2015 ke 2016	Komen
Pendapatan daripada cukai	- 12.41% <i>RM185.36 bilion (2015) hingga RM162.36 billion (2016)</i>	<p>Cukai langsung: - 0.06% <i>RM135.65 bilion (2015) ke RM135.57 bilion (2016)</i></p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Cukai pendapatan yang lebih tinggi untuk golongan berpendapatan tinggi dijangka akan meningkatkan pendapatan daripada cukai pendapatan individu sebanyak 17.74% (+RM4.71 bilion). ▪ Rebat cukai untuk syarikat-syarikat dijangka menurunkan pendapatan daripada cukai pendapatan korporat sebanyak 10% (-RM7.26 bilion). ▪ Cukai pendapatan petroleum dijangka menurun sebanyak 20% (-RM5.12 bilion), disebabkan kejatuhan harga minyak. ▪ Cukai Menambah Kekayaan (CGT) dijangka akan meraih sebanyak RM3.50 bilion pada tahun 2016. <p>Cukai tidak langsung: -12.73% <i>RM49.71 bilion (2015) kepada RM43.38 bilion (2016)</i></p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Kadar GST akan dikurangkan sebanyak 3% untuk merangsang penggunaan dan pembelian. Keputusan ini akan membawa pulangan GST yang lebih rendah sebanyak RM16.60 bilion (penurunan 30.0% daripada tahun 2015).
Pendapatan bukan cukai	-11.55% <i>RM49.31 bilion (2015) hingga RM43.62 bilion (2016)</i>	Dividen PETRONAS akan dikurangkan daripada RM26.0 bilion kepada RM20.0 bilion (penurunan sebanyak 23.08%). Keadaan ini akan membantu PETRONAS membaiki kedudukan kewangannya untuk menghadapi krisis minyak dan gas.
Resit bukan pendapatan	+12.0% <i>RM1.25 bilion (2015) hingga RM1.40 bilion (2016)</i>	Dijangka meningkat seperti 5 tahun terdahulu.

**Terjemahan Teks Belanjawan Alternatif *Pakatan Harapan*:
Mengelakkan Krisis (Averting a Crisis)**

Pendapatan daripada Wilayah Persekutuan	+15.0% <i>RM777 juta (2015) hingga RM894 juta (2016)</i>	Dijangka meningkat seperti 5 tahun terdahulu, disebabkan peningkatan kadar penaksiran.
Jumlah pendapatan	- 12.01% <i>RM236.70 billion (2015) to RM208.27 billion (2016)</i>	Cadangan keseluruhan jumlah pendapatan adalah dianggarkan RM15.17 bilion kurang daripada Barisan Nasional. Hal ini adalah disebabkan: <ul style="list-style-type: none"> ▪ pengurangan kadar GST sebanyak 3% adalah bernilai RM16.60 bilion. ▪ Pengurangan dividen PETRONAS sebanyak RM6.0 bilion.

Jadual 5: Ringkasan Belanjawan Pakatan Harapan dari tahun 2015-2016

Trend-trend utama dan proses-proses terlibat

Apabila Pakatan Harapan mengunjurkan pendapatan untuk Belanjawan 2016, kami telah mengekalkan 85% daripada analisis awal dan unjuran pendapatan untuk kerajaan Barisan Nasional. Kami kemudiannya melihat kepada perbezaan lima dasar utama berkenaan pendapatan dan telah menyelaraskan unjuran angka-angka sewajarnya. Lima perbezaan dasar adalah seperti berikut:

- Pelaksanaan struktur cukai progresif;
- Menyediakan insentif cukai kepada syarikat untuk membantu mereka menghadapi kemelut ekonomi;
- Kami meramalkan pengenalan CGT kepada transaksi saham akan berjaya menaikkan kutipan RM3.5 bilion pada tahun 2016;
- Kadar GST akan menurun sebanyak 3% untuk mengurangkan inflasi dan menggalakkan permintaan domestik; dan
- Kami komited untuk mengurangkan dividen PETRONAS kepada RM20.0 bilion.

2.3 Perbelanjaan

2.3.1 Unjurian Perbelanjaan: Kerajaan Barisan Nasional

Jadual 6: Jangkaan Perbelanjaan Persekutuan Barisan Nasional 2016

Year	Est. Expenditure (RM million)	Change	
		RM million	%
2010	191,499		
2011	213,987	22,488	11.74
2012	232,833	18,846	8.81
2013	251,667	18,834	8.09
2014	264,151	12,484	4.96
2015	273,940	9,789	3.71
2016*	275,432	1,492	0.54

Berdasarkan pemerhatian kami, perbelanjaan kerajaan meningkat dari tahun ke tahun¹⁶, satu kecenderungan yang jelas adalah berlakunya kadar penurunan terhadap perbelanjaan kerajaan yang bertambah. Median dan min untuk kadar pertumbuhan bagi perbelanjaan Persekutuan adalah masing-masing pada 8.09% dan 7.46%. Walau bagaimanapun, sekiranya pola kadar penurunan terhadap perbelanjaan kerajaan yang bertambah berterusan dan kadar peningkatan akan berada pada 3.5% pada tahun 2016, ramalan linear dan permulaan kami adalah dianggarkan sekitar RM 283 bilion.

Walau bagaimanapun, kami mengambil maklum bahawa kerajaan telah mengambil langkah penjimatan pada peringkat mengurus sejak pertengahan 2015, berdasarkan laporan berita berkenaan pemotongan belanjawan untuk Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pelajaran¹⁷. Satu contoh yang spesifik adalah pemotongan belanjawan Pusat Perubatan Universiti Malaya sebanyak RM20.27 juta. Berdasarkan pertanyaan kami kepada beberapa pembuat dasar, kami telah mendapati wujudnya arahan dan pekeliling meminta kementerian-kementerian untuk mengurangkan perbelanjaan mengurus sebanyak 5-10%. Sekiranya kerajaan meneruskan langkah penjimatan untuk belanja mengurus, kami menjangkakan jumlah keseluruhan perbelanjaan kerajaan adalah dianggarkan sebanyak **RM275 bilion**.

Beberapa trend dijangka kekal konsisten untuk tahun 2016 seperti dalam belanjawan kerajaan yang terdahulu:

- Perbelanjaan mengurus dijangka kekal sebagai bahagian paling utama dalam keseluruhan belanjawan pada kadar 79.36% sehingga menjelaskan belanjawan pembangunan.
- Dengan jangkaan pendapatan kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM237 bilion, ramalan deficit sepautnya adalah pada RM38.9 bilion atau 3.2%¹⁸ daripada KDNK¹⁹. Angka ini adalah sedikit tersasar berbanding ramalan oleh Kementerian Kewangan pada 4 Oktober 2015 iaitu 3% pada tahun 2016 berbanding 3.2% pada tahun 2015 dan 4.5% pada tahun 2014.

Jangkaan kami berkenaan perbelanjaan kerajaan Persekutuan berdasarkan setiap item adalah seperti berikut:

a) Emolumen

¹⁶ http://www.treasury.gov.my/index.php?option=com_content&view=category&id=447&Itemid=2473&lang=ms

¹⁷ <http://www.themalaysianinsider.com/malaysia/article/ummc-budget-slashed-by-rm20.27-million-says-muhyiddin>

¹⁸ <http://www.thestar.com.my/News/Nation/2015/10/02/Larger-budget-with-prudent-measures-in-2016-Increase-in-development-expenditure-aimed-at-spurring-do/>

¹⁹ Malaysia's GDP growth expected to weaken to 4.5% in 2016, says Moody's (<http://www.theedgemarkets.com/my/article/malaysias-gdp-growth-weaken-45-2016-says-moodys>)

Terjemahan Teks Belanjawan Alternatif *Pakatan Harapan*: Mengelakkan Krisis (Averting a Crisis)

- Berdasarkan pola pertumbuhan daripada tahun 2010 hingga 2015, min dan median emolumen telah meningkat masing-masing sebanyak 9.32% dan 8.64%.
- Kami menjangkakan penurunan sebanyak 1% disebabkan langkah penjimatan, pembekuan pengambilan penjawat awam yang baru, persaraan untuk penjawat awam yang berpendapatan tinggi.
- Berdasarkan beberapa pengetua sekolah kebangsaan yang kami telah temui, guru-guru baru harus menunggu antara 6 hingga 12 bulan selepas latihan sebelum dihantar ke sekolah, yang mungkin disebabkan oleh kekurangan dana daripada Kementerian Pendidikan.

b) Pembekalan dan Perkhidmatan

- Berdasarkan pola pertumbuhan daripada tahun 2010 hingga 2015, min dan median untuk pembekalan dan perkhidmatan masing-masing akan meningkat sebanyak 13.33% dan 8.60%.
- Kami menjangkakan pertumbuhan 1% daripada tahun 2015 hingga 2016 memandangkan kementerian dan kerajaan telah pun memulakan langkah penjimatan, dan kebanyakan penjimatan sepatutnya berlaku dalam kategori perbelanjaan ini.
- Terdapat beberapa contoh daripada Kementerian Pendidikan, apabila sekolah-sekolah disekat daripada mengambil bahagian dalam pertandingan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa, dan pelajar dan guru yang masih berminat untuk mengambil bahagian haruslah mencari inisiatif wang sendiri²⁰.

c) Aset-aset

- Berdasarkan pola pertumbuhan daripada 2010 hingga 2015, min dan median untuk aset-aset masing-masing meningkat sebanyak 35.81% dan 3.53%.
- Kami menjangkakan penurunan sedikit sebanyak 5% daripada 2015 hingga 2016 kerana kerajaan menekankan pengurusan yang lebih cermat untuk pentadbiran perbelanjaan.

d) Kenaan Bayaran Tetap dan Pemberian

- Berdasarkan pola pertumbuhan daripada 2010 hingga 2015, min dan median untuk kenaan bayaran tetap dan pemberian masing-masing meningkat sebanyak 20.16% dan 24.13%.
- Kami menjangkakan penurunan sedikit sebanyak 5% daripada 2015 hingga 2016 kerana kerajaan menekankan pengurusan yang lebih cermat untuk pentadbiran perbelanjaan.

e) Perbelanjaan lain-lain

- Berdasarkan pola pertumbuhan daripada 2010 hingga 2015, min dan median untuk perbelanjaan lain-lain masing-masing meningkat sebanyak 10.18% dan 11.20%.
- Kami menjangkakan penurunan minor sebanyak 5% daripada tahun 2015 hingga 2016 disebabkan usaha penjimatan.

f) Pemberian geran terus

- Berdasarkan pola pertumbuhan daripada 2010 hingga 2015, min dan median untuk perbelanjaan lain-lain masing-masing meningkat sebanyak -0.40% dan -1.70%.
- Kami menjangkakan peningkatan sebanyak 13% memandangkan kerajaan sedang merancang untuk meningkatkan peruntukan pembangunan, majoriti daripadanya adalah diperuntukkan dalam kategori ini.

g) Pinjaman

- Berdasarkan pola pertumbuhan daripada 2010 hingga 2015, min dan median untuk pinjaman masing-masing meningkat sebanyak 3.81% dan 3.74%.
- Kami menjangkakan kadar pertumbuhan yang sederhana sebanyak 2% disebabkan langkah penjimatan.

²⁰ <http://www.themalaysianinsider.com/sideviews/article/cost-cutting-and-the-ministry-of-education-saleh-mohammed>

**Terjemahan Teks Belanjawan Alternatif *Pakatan Harapan*:
Mengelakkan Krisis (Averting a Crisis)**

h) Simpanan luar jangka

- Kami menjangkakan kerajaan akan mengekalkan simpanan luar jangka sebanyak RM2 bilion untuk Belanjawan 2016.

**Terjemahan Teks Belanjawan Alternatif *Pakatan Harapan*:
Mengelakkan Krisis (Averting a Crisis)**

Jadual 7: Ringkasan Perbelanjaan Kerajaan BN berdasarkan item, dengan ramalan pendapatan kerajaan Persekutuan, defisit belanjawan, dan jangkaan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)

Tahun	2013		2014		2015		2016* (BN)	
Ramalan berdasarkan item	RM juta	%						
Ramalan Perbelanjaan Mengurus								
Emolumen	58,556	23.27	63,614	24.08	65,652	23.97	64,995	23.60
Pembekalan dan Perkhidmatan	33,720	13.40	36,621	13.86	38,099	13.91	25,526	9.27
Aset-aset	1,010	0.40	1,407	0.53	1,457	0.53	1,384	0.50
Kenaan Bayaran Tetap dan Pemberian	107,420	42.68	114,505	43.35	116,417	42.50	116,417	42.27
Perbelanjaan lain-lain	1,212	0.48	1,504	0.57	1,815	0.66	1,724	0.63
Jumlah keseluruhan perbelanjaan mengurus	201,917	80.23	217,651	82.40	223,440	81.57	210,047	76.26
Ramalan Perbelanjaan Mengurus								
<i>Direct grant</i>	45,337	18.01	41,513	15.72	45,614	16.65	60,210	21.86
Pinjaman	2,412	0.96	2,987	1.13	2,886	1.05	3,175	1.15
Kontinjenji simpanan	2,000	0.79	2,000	0.76	2,000	0.73	2,000	0.73
Jumlah keseluruhan perbelanjaan mengurus	49,749	19.77	46,500	17.60	50,500	18.43	65,385	23.74
Jumlah Ramalan Keseluruhan Perbelanjaan	251,666	100.0	264,151	100.0	273,940	100.0	275,432	100.0
Ramalan Pendapatan	213,369		225,844		236,699		236,535	
Defisit Belanjawan (RM juta, % GDP)	-38,297	-3.88	-38,307	-3.55	-37,241	-3.17	-38,897	-3.17
KDNK (Harga-harga 2005)	986,733							
KDNK (Harga terkini)			1,078,176		1,175,703		1,228,610	

2.3.2 Unjuran Perbelanjaan: Pakatan Harapan

Perbelanjaan belanjawan Pakatan Harapan sesungguhnya adalah jauh lebih rendah berbanding belanjawan kerajaan BN. Hal ini bukanlah disebabkan langkah-langkah penjimatan, tapi lebih kepada penjimatan dan simpanan sebanyak RM30 bilion daripada langkah penyusunan semula dan usaha-usaha membasmi rasuah.

Kami juga mengambil maklum bahawa harga minyak global sekarang telah membawa kepada penarikan subsidi minyak. Langkah ini telah membawa simpanan dan penjimatan sebanyak RM 11.0 bilion. Dikirakan sekali bersama penjimatan sebanyak RM 30.0 bilion walaupun berlaku pengurangan sebanyak 10.04% dari segi *absolute term*, sebenarnya telah berlaku pertambahan sebanyak RM13.5 bilion untuk perbelanjaan pembangunan untuk pembangunan modal insan terutamanya untuk kesihatan, pendidikan, latihan dan pemberdayaan wanita.

Dasar perbelanjaan kami bukanlah berasaskan keperluan langkah penjimatan, tetapi pelaburan untuk bakat-bakat masa depan. Kami percaya, untuk menjadi sebuah negara maju, pendidikan dan latihan harus diutamakan terlebih dahulu. Begitu juga, untuk mengeluarkan golongan rakyat bawahan sebanyak 40% daripada kemiskinan, mereka terlebih dahulu haruslah sihat dan bertenaga. Maka, tumpuan dalam perbelanjaan kesihatan mengenal pasti keperluan dan kepentingan ini.

Asas kepada dasar perbelanjaan kami adalah pelaksanaan yang lebih efektif untuk semak dan imbang terhadap dasar pemerolehan untuk memastikan pemerolehan adalah telus dan perbelanjaan daripada setiap kementerian adalah bertanggungjawab. Projek-projek mega yang tidak perlu dan penting tidak akan dilaksanakan dalam belanjawan ini, dan disiplin fiskal perlulah dikekalkan.

Berikut adalah pengiraan dan ramalan kami untuk perbelanjaan kerajaan Persekutuan:

a) Emolumen

- Kami menjangkakan penurunan sebanyak 1% disebabkan langkah penjimatan, pembekuan pengambilan penjawat awam yang baru, persaraan untuk penjawat awam yang berpendapatan tinggi.
- Perbelanjaan lain seperti pembangunan profesional, latihan, geran untuk pelajar bertanding pada pertandingan peringkat antarabangsa akan dikembalikan semula.

b) Pembekalan dan Perkhidmatan

- Kami menjangkakan pemotongan besar sebanyak RM22.975 bilion atau pun 60.30% daripada pemansuhan subsidi minyak, dan simpanan daripada usaha-usaha membasmi rasuah.
- Beberapa contoh adalah menggabungkan beberapa agensi kerajaan yang bertindan dan melonggarkan dasar pemerolehan.

c) Aset-aset

- Kami menjangkakan penurunan sedikit sebanyak RM351.0 atau pun 24.07% daripada langkah-langkah pencegahan rasuah.

**Terjemahan Teks Belanjawan Alternatif *Pakatan Harapan*:
Mengelakkan Krisis (Averting a Crisis)**

d) Kenaan Bayaran Tetap dan Pemberian

- Belanjawan Pakatan Harapan untuk kategori perbelanjaan ini adalah RM31.186 bilion lebih rendah (atau 26.79%) berbanding belanjawan Barisan Nasional disebabkan langkah-langkah pencegahan rasuah.

e) Perbelanjaan lain-lain

- Kami meramalkan belanjawan kami sebanyak RM436.0 juta (atau 24.05%) lebih rendah disebabkan dasar pemerolehan yang semakin ketat.

f) Pemberian geran terus

- Kami menjangkakan penurunan sebanyak RM20.127 (atau 44.12%) akan dijana menerusi penjimatan dan simpanan daripada usaha-usaha membanteras rasuah.

g) Pinjaman

- Kami menjangkakan perbelanjaan kategori ini adalah sama seperti Barisan Nasional.

h) Simpanan luar jangka

- Kami menjangkakan perbelanjaan kategori ini adalah sama seperti Barisan Nasional.

**Terjemahan Teks Belanjawan Alternatif Pakatan Harapan:
Mengelakkan Krisis (Averting a Crisis)**

Jadual 8: Ringkasan Cadangan Perbelanjaan Pakatan Harapan berdasarkan item, dengan ramalan pendapatan kerajaan Persekutuan, defisit belanjawan, dan jangkaan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)

Tahun	2013		2014		2015		2016* (PH)	
Ramalan berdasarkan item	RM juta	%						
Ramalan Perbelanjaan Menugurus								
Emolumen	58,556	23.27	63,614	24.08	65,652	23.97	64,995	27.22
Pembekalan dan Perkhidmatan	33,720	13.40	36,621	13.86	38,099	13.91	15,124	6.33
Aset-aset	1,010	0.40	1,407	0.53	1,457	0.53	1,106	0.46
Kenaan Bayaran Tetap dan Pemberian	107,420	42.68	114,505	43.35	116,417	42.50	85,231	35.70
Perbelanjaan lain-lain	1,212	0.48	1,504	0.57	1,815	0.66	1,379	0.58
Jumlah keseluruhan perbelanjaan mengurus	201,917	80.23	217,651	82.40	223,440	81.57	167,835	70.30
Ramalan Perbelanjaan Pembangunan								
Direct grant	45,337	18.01	41,513	15.72	45,614	16.65	65,741	27.54
Pinjaman	2,412	0.96	2,987	1.13	2,886	1.05	3,175	1.33
Kontinjenji simpanan	2,000	0.79	2,000	0.76	2,000	0.73	2,000	0.84
Total Development Expenditure	49,749	19.77	46,500	17.60	50,500	18.43	70,916	29.70
Total Estimated Expenditure	251,666	100.0	264,151	100.0	273,940	100.0	238,750	100.0
Estimates of Revenue	213,369		225,844		236,699		208,268	
Budget Deficit (RM million, % of GDP)	-38,297	-3.88	-38,307	-3.55	-37,241	-3.17	-30,482	-2.48
GDP (2005 Prices)	986,733							
GDP (Current Prices)			1,078,176		1,175,703		1,228,610	

3. Kertas Cadangan

3.1 Dasar untuk Sabah & Sarawak

Meskipun memiliki capaian terhadap hasil sumber asli yang sungguh banyak dan meluas termasuk minyak dan gas, balak dan tanah, Sabah dan Sarawak masih lagi ketinggalan berbanding Semenanjung Malaysia dalam hampir semua petunjuk kemajuan. Setiap tahun, belanjawan Persekutuan mengumumkan pelbagai rancangan dan peruntukan untuk Malaysia Timur, malangnya jurang antara kedua-dua belah pihak semakin melebar tanpa sebarang usaha menyelesaikannya.

Belanjawan Pakatan Harapan adalah berbeza kerana memperuntukkan sebahagian besar bahagian belanjawan Persekutuan adalah untuk Malaysia Timur selagi mana jurang pembangunan antara Malaysia Timur dan Semenanjung Malaysia masih wujud. Cadangan dasar kami termasuklah:

a) Tabung Pembiayaan Sumber untuk Sabah dan Sarawak

- Permintaan 20% royalti minyak dan gas akan menjadi kenyataan di bawah kerajaan Pakatan Harapan. Kami akan asingkan 20% royalti untuk menujuhan tabung sumber yang bermodelkan *Alaskan Permanent Fund* dan *Norwegian Pension Fund*.
- Dana-dana ini, dinamakan sebagai Tabung Pembiayaan Sabah dan Tabung Pembiayaan Sarawak, akan dibahagikan kepada dua bahagian-iaitu bahagian dividen tunai dan bahagian pelaburan jangka masa panjang.
- Tabung ini akan membayar dividen tunai setiap tahun kepada setiap penduduk Sabah dan Sarawak yang lahir sebagai penduduk tanpa mengira umur, pendapatan, bangsa dan jantina. Dividen ini akan diperoleh daripada pulangan pelaburan daripada tabung ini.
- Untuk bahagian pelaburan, setiap penduduk Sabah dan Sarawak akan dapat melakukan pengeluaran berdasarkan keperluan termasuklah pendidikan dan perbelanjaan perubatan.
- Tabung ini bertujuan untuk memberikan peluang kepada setiap penduduk Sabah dan Sarawak untuk menikmati terus manfaat sumber minyak dan gas, dan pada masa yang sama memastikan keadilan untuk antara generasi supaya pulangan daripada sumber tersebut boleh dinikmati oleh generasi akan datang walaupun selepas sumber tersebut telah kehabisan.

b) Merancakkan perniagaan dan proses pemerolehan untuk meningkatkan kecekapan dan mengurangkan kos

- Projek-projek pembangunan infrastruktur sememangnya menelan belanja besar dan adalah perlahan untuk dilaksanakan di Sabah dan Sarawak disebabkan proses tender yang tidak telus dan pasaran yang dilindungi.
- Pakatan Harapan akan memperkenalkan amalan pemerolehan tender yang terbuka dan telus, seperti yang diamalkan di Pulau Pinang, untuk menggalakkan persaingan dan menghapuskan ketirisan. Tindakan ini akan membawa kepada penjimatan dan simpanan yang boleh disalurkan kepada pembinaan lebih banyak jalan.
- Kami juga akan meliberalisasikan sektor pembinaan dan sektor-sektor yang berkaitan untuk menggalakkan persaingan dan mengurangkan harga. Contohnya, industri simen yang sekarang dikuasai oleh Cahaya Mata Sarawak (CMS) yang merupakan sebuah syarikat yang ada pertalian politik.
- Kami juga akan menggunakan amalan terbaik dalam memastikan ketelusan dan kebertanggungjawaban akan membolehkan jaringan Lebuhraya Pan Borneo (dari Kuching ke

**Terjemahan Teks Belanjawan Alternatif Pakatan Harapan:
Mengelakkan Krisis (Averting a Crisis)**

Tawau) untuk disiapkan menjelang tahun 2025; 3 tahun lebih cepat berbanding sasaran Barisan Nasional.

c) Meningkatkan perbelanjaan terhadap bandar/pekan sekunder di Sabah dan Sarawak

- Sememangnya bandar-bandar adalah pemacu penting kepada pertumbuhan Sabah dan Sarawak. Namun begitu, bandar ini telah diabaikan dari segi pembangunan infrastruktur dan menerima perbelanjaan pembangunan yang rendah untuk bertahun-tahun lamanya. Pakatan Harapan akan menyalurkan sekurang-kurangnya perbelanjaan sebanyak RM1 bilion untuk dibelanjakan kepada bandar-bandar sekunder seperti Sibu, Bintulu, Miri dan Sri Aman di Sarawak dan di Tawau, Sandakan, Keningau dan Tenom di Sabah.
- Kami juga akan menumpukan perbelanjaan pengangkutan antara bandar dan antara pekan, pembangunan industri berkelompok, pembangunan semula bandar untuk memastikan kerancakan ekonomi dan sebagai tempat-tempat yang selesa dan baik untuk didiami.

d) Membatalkan projek kereta api laju dari KL ke Singapura dan menggunakan dana-dana ini untuk membina jaringan landasan pengangkutan dari Kuching ke Tawau

- Projek kereta api laju hanyalah akan memanfaatkan penduduk yang bekerja di kawasan Lembah Klang dan Singapura dengan beberapa kesan tempias kepada beberapa hentian sepanjang landasan kereta api laju. Malaysia Timur sekali lagi diabaikan.
- Memandangkan jaringan pengangkutan antara KL dan Singapura sudah pun baik (kereta api, bas, lebuh raya dan kapal terbang), kami berpendapat projek kereta api laju itu adalah tidak perlu untuk masa ini.
- Kami sebaliknya mencadangkan agar anggaran RM35 bilion untuk pembinaan kereta api laju dialihkan kepada pembinaan landasan kereta api dari Kuching ke Tawau menerusi Kota Kinabalu. Ini akan meningkatkan jaringan antara bandar dan pekan di Malaysia Timur dan akhirnya akan menjana impak berganda kepada pembangunan ekonomi.

e) Dana basiswa khas untuk Malaysia Timur

- Kami mencadangkan penubuhan dana basiswa sebanyak RM1 bilion untuk pelajar-pelajar cemerliang di Malaysia Timur untuk belajar di universiti ternama tempatan dan luar negara dengan syarat individu-individu ini pulang ke Sabah/Sarawak untuk bekerja selepas tamat belajar.
- Cadangan ini bukan sahaja akan merangsang pembangunan modal insan di Sabah dan Sarawak, tetapi pada masa yang sama menangani kes-kes pelajar tidak pulang selepas tamat belajar untuk kedua-dua negeri Sabah dan Sarawak.

f) Pengagihan semula dana di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk meningkatkan kadar capaian internet dan perhubungan di Malaysia Timur

- Setiap tahun, SKMM mengutip kira-kira RM1.5 bilion daripada operator telekomunikasi sebagai sebahagian daripada Dana Pemberian Perkhidmatan Sejagat (*USP Fund*), yang sepatutnya digunakan untuk merapatkan jurang perhubungan telefon dan internet antara kawasan bandar dan luar bandar.
- Namun begitu, SKMM telah menggunakan sebahagian dana-dana ini untuk membeli lebih sejuta laptop pada harga yang sangat melambung tinggi.
- Kami akan mengagihkan semula dana-dana ini untuk mencapai tujuan asal iaitu meningkatkan perhubungan telefon dan internet antara kawasan bandar dan luar bandar dengan penumpuan utama kepada kawasan luar bandar di Malaysia Timur.

3.2 Pertanian

3.2.1 Latar belakang

Meskipun diberikan peruntukan yang besar dalam belanjawan Persekutuan setiap tahun, sektor pertanian Malaysia masih lagi ketinggalan di belakang berbanding sektor-sektor ekonomi yang lain. Hal ini adalah disebabkan wujudnya salah urus dalam sektor ini. Perancangan pertanian Malaysia adalah bersifat rancangan selama lima tahun, dibangunkan menerusi pendekatan atas-bawah (*top-down approach*) dengan perundingan yang begitu minimum bersama industri tempatan, masyarakat setempat malah saintis tempatan. Berulang-ulang kali ahli politik dan birokrat Malaysia cuba menggambarkan ramalan yang cerah dan mendapatkan perhatian menerusi acara-acara besar untuk mengumumkan projek yang tidak pernah terjadi ataupun pada akhirnya gagal mencapai sasaran disebabkan kegagalan pengurusan.

Contoh-contoh projek tersebut termasuklah:

- Perbadanan Herba Malaysia yang ditubuhkan pada tahun 2001 dengan pelancaran penuh gilang-gemilang. Projek ini dianggap sebagai pemacu kepada industry. Perbadanan ini mengambil pelbagai inisiatif dengan pegawai-pegawai dibawa melancong secara meluas dan mewah ke serata dunia. Hari ini, Perbadanan Herba Malaysia tidak lagi berfungsi.
- Perbadanan Bioteknologi Malaysia (MBC), bersama-sama syarikat bioteknologi yang dibiaya oleh kerajaan negeri seperti Melaka Biotech, J-BioTech di Johor, K-Biocorp di Kedah, dan Kelantan Biotecg, semuanya dibiaya dengan jutaan ringgit dalam bentuk geran, tetapi sekadar menunjukkan pencapaian yang kecil, sekiranya ada.
- Taman Teknologi Malaysia (TPM) yang membina makmal-makmal bioteknologi seluruh negara seperti di Perlis adalah kebanyakan daripadanya kosong. Majlis Pembangunan Ekonomi Luar Bandar Pantai Timur telah membina beberapa taman herba di Pahang dan Terengganu. Kesemuanya tidak lagi aktif dibangunkan.
- FELDA membuka Perbadanan Herba FELDA yang sekarang cuba digantikan dengan satu lagi percubaan untuk membangunkan bioteknologi melalui FELDA Wellness.
- Kerjasama antara Malaysia-MIT dianggap sebagai satu contoh perkongsian pintar. Projek ini menelan sebanyak USD20 juta duit pembayar cukai tetapi masih gagal untuk menghasilkan sebarang pencapaian yang boleh dilihat.

3.2.2 Pembaharuan Dasar Beras

Untuk belanjawan tahun 2015, BN telah memperuntukkan RM2.2 bilion untuk keseluruhan enam program subsidi sebagai cara untuk membantu sektor pertanian beras. Walau bagaimanapun, daripada program-program ini disalurkan kepada isi rumah pesawah padi luar bandar yang lebih memerlukan dan kebanyakan rakyat Malaysia yang mengambil nasi, penerima faedah paling besar adalah Padiberas Nasional Berhad (BERNAS), iaitu sati entiti pemilikan swasta.

Fakta ini adalah amat menggusarkan. Tahap pendapatan isi rumah penanaman padi sentiasa berada pada kadar yang membimbangkan hampir dengan garis kemiskinan, terutamanya di kawasan utara Kedah dan Kelantan; satu contoh sesuai yang boleh digunakan adalah seorang pesawah padi yang mengerjakan satu plot tanah seluar satu hektar meraih pendapatan tidak lebih daripada RM1000 setiap bulan²¹. Carta seterusnya akan menggambarkan pengagihan geografi pesawah padi sepenuh masa di Malaysia, di mana dianggarkan sekitar 78% tinggal di Kedah, Kelantan dan Sarawak.

**Jumlah pesawah padi sepenuh masa seluruh Malaysia
(172,330)**




Diagram 9: Jumlah pesawah padi sepenuh masa seluruh Malaysia pada tahun 2015.

Masalah yang dihadapi oleh pesawah-pesawah ini disulitkan lagi dengan pulangan ekonomi yang tidak seberapa, yang bukan sahaja membawa kepada kemiskinan luar bandar tetapi juga minat yang semakin pudar terutamanya pada golongan muda dan yang berpendidikan dalam sektor pertanian. Kesan kemudian tidak dapat dibendung- hanya yang menerima pendidikan yang kurang dan berusia dibiarkan untuk mengekalkan sektor pertanian padi, meneruskan menghalang sasaran kita untuk meningkatkan hasil pengeluaran dan produktiviti dalam pengeluaran padi ke arah memenuhi tahap permintaan dalam negara dan keselamatan makanan pada masa hadapan.

Maka, adalah sangat penting untuk memastikan sektor pertanian padi terus menerima sokongan dan bantuan yang diperlukan, tetapi program subsidi yang kabur dan lapuk hendaklah terlebih dahulu dimodelkan kembali secara komprehensif. Secara asasnya, tumpuan adalah untuk meningkatkan taraf hidup pesawah padi. Skim subsidi patut direncana semula dengan ketelusan yang tinggi untuk mengatasi masalah jutaan yang dibayar kepada segelintir pembekal yang hanya memberikan barang yang tidak berkualiti kepada pesawah dan pengguna. Oleh itu, kami mencadangkan dua pembaharuan dasar seperti berikut:

²¹Parlimen Malaysia, Pemberitahu Pertanyaan Dewan Rakyat (Bertulis) Soalan. 269, Daripada Dr. Ong Kian Ming [Serdang] kepada Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Parlimen Ketiga belas, Penggal Ketiga, Mesyuarat Kedua.

a) Penghapusan subsidi kepada pengilang beras

Pakatan Harapan mencadangkan pemansuhan Subsidi Harga Beras. Diperkenalkan pada tahun 2008, RPS dilancarkan dengan tujuan untuk mengawal pengeluaran beras pada harga yang berpatutan untuk pasaran domestic yang berpendapatan rendah untuk mengekang kenaikan harga komoditi beras sebanyak 300%.

Di bawah RPS, sejumlah pengilang beras telah dibayar subsidi yang besar untuk menghasilkan beras berkualiti rendah yang digelar sebagai Super Tempatan, ST15 (dengan 15% kandungan beras hancur, bertentangan dengan standard pasaran beras yang harus mengandungi tidak lebih 5% beras hancur), yang akhirnya dijual pada harga terkawal antara RM1.65 ke RM1.80 sekilogram. Meskipun ada pengurangan dan penstabilan harga beras sejak krisis 2008, kerajaan Barisan Nasional masih mengekalkan RPS pada RM529.0 juta hanya pada tahun 2015.

Tidak mengejutkan, skim ini penuh dengan cacat cela dan hadnya. Ketua Audit Negara terpaksa masuk campur dan mengisyiharkan bahawa Kementerian Pertanian dan Industri Asas tani dan BERNAS telah gagal untuk memastikan manfaat ST15 sampai pada kumpulan sasaran, dan menyatakan dalam Laporan Audit Negara tahun 2011 bahawa “tiidak mechanism yang sesuai untuk memastikan kumpulan sasaran mendapat manfaat daripada program ini”. Dapatkan daripada Ketua Audit Negara adalah satu hakikat- walaupun beras ST15 adalah murah dan berpatutan, produk ini amatlah sukar untuk didapati untuk golongan berpendapatan rendah meskipun subsidi tahunan yang besar sebanyak setengah bilion ringgit. Beras biasa pula (beras yang lebih berkualiti berbanding ST15) untuk pasaran seluruh negara adalah sekitar RM2.60 hingga RM2.80 sekilo. Harga ini masih lagi mampu dibeli oleh rakyat Malaysia termasuk isi rumah yang lebih miskin.

b) Pemindahan subsidi-subsidi kepada pesawah

Menamatkan Skim RPS yang bermasalah akan menyediakan dana untuk kegunaan yang lebih penting dan segera. Seperti yang telah disebut, peningkatan kualiti hidup dan pendapatan pesawah padi daripada menghasilkan padi adalah satu keimbangan semua.

Sejak tahun 1991, pesawah telah menerima bantuan sebanyak RM248.10 untuk setiap tan metric padi yang dihasilkan di bawah Skim Subsidi Harga Beras (PPS). Apa yang menghairankan adalah, skim ini tidak pernah berubah. Pada tahun 2015, hanya RM480 juta diperuntukkan untuk PPS yang bermaksud kadar purata pesawah yang harus dipenuhi adalah 10 tan setahun hanya untuk menerima bayaran sedikit Rm2,400 daripada PPS.

Kami mencadangkan untuk meningkatkan PPS dengan menambah subsidi sebanyak 50% kepada RM380 tan metrik. Ini akan mencipta insentif buat pesawah untuk menghasilkan lebih banyak, lantas menambah pengeluaran hasil beras tempatan dan memastikan kestabilan keselamatan makanan dengan mengurangkan kebergantungan kepada import.

Kesan bersih kewangan dengan menolak RPS dan menambah baik PPS adalah neutral sebanyak 50%. Dengan menyusun semula subsidi dan insentif untuk memberikan ekonomi yang mantap bersama sasaran sosial, kerajaan Pakatan Harapan berupaya untuk menambah baik kehidupan seramai 300,000 pesawah padi sepenuh dan separuh masa, terutamanya yang menghadapi kesulitan di bawah program pengendalian pertanian yang lemah di negeri-negeri Semenanjung seperti Kedah dan Kelantan, dan juga di Sarawak dan Sabah.

3.3 Liabiliti yang tidak dilaporkan/direkodkan (*off-balance sheet liabilities*)

Terdapat pelbagai perbelanjaan kerajaan dan hutang-hutang yang wujud di luar belanjawan ('*off-balance sheet*' items), di mana sekarang kerajaan sedang membayar dan/atau akan membayar untuk masa depan. Cabaran sekarang adalah untuk menganggarkan sejauh manakah item-item yang sepatutnya diisyiharkan sebahagian daripada belanjawan dan bagaimana item-item ini akan memberi kesan kepada perbelanjaan tahunan kerajaan. Berikut adalah tiga sumber kepada item-item "off-balance sheet":

a) Pinjaman yang boleh dikutip semula

Pinjaman-pinjaman ini adalah yang dibuat oleh kerajaan kepada kerajaan negeri, badan-badan berkanun, pihak berkuasa tempatan, syarikat dan individu. Sementara kebanyakan daripadanya dianggap sebagai aset, kebanyakan pinjaman turut dianggap tidak menunjukkan prestasi yang sepatutnya (*non-performing/under-performing*) dan patut dikira sebagai perbelanjaan. Contohnya, pinjaman kerajaan yang masih belum selesai kepada Indah Water Konsortium (IWK) adalah berada pada jumlah RM2 bilion pada tahun 2013. IWK telah mencatatkan kerugian pada tahun kewangan 2013 dan tidak membayar baki pinjaman yang dibuat daripada kerajaan Persekutuan. Jumlah pinjaman yang boleh dikutip semula pada tahun 2013 adalah **RM92.6 bilion**.

Particulars	Loans Charged to			Outstanding Balance as at	
	Development Fund	Consolidated Revenue Account	Other Trust Account	2013	2012
Borrower	RM	RM	RM	RM	RM
Total State Governments	14,779,146,843	109,852,382	1,051,500,409	15,940,499,634	15,796,571,501
Total Local Authorities	405,262,533	52,454,860	–	457,717,393	519,747,254
Total Statutory Bodies	10,187,912,370	446,766,260	2,923,596,492	13,558,275,121	14,073,212,232
Total Co-operatives	6,120,210	6,353,644	165,798,050	178,271,904	197,473,124
Total Companies	12,812,873,630	2,399,444,712	7,611,699,402	22,824,017,744	25,508,607,827
Total Individuals	–	–	36,460,363,861	36,460,363,861	36,565,906,580
Total Miscellaneous	1,672,742,556	–	1,455,300,000	3,128,042,556	2,952,195,602
TOTAL RECOVERABLE LOANS	39,864,058,142	3,014,871,858	49,668,258,215	92,547,188,214	95,613,714,119

Daripada RM92.6 bilion, kami menjangkakan 50% hutang akan dibatalkan oleh kerajaan yang berjumlah sebanyak RM6.6 bilion seperti berikut:

Entiti-entiti	Tunggakan belum dijelas hujung tahun 2013 (RM)	Anggapan hapusan 50% (RM)
Syarikat-syarikat, badan-badan berkanun, dan lain-lain	8.6 billion	4.3 billion
Pinjaman perumahan	895.3 million	448 million
Pihak berkuasa Port Klang	3.8 billion	1.9 billion
Jumlah	13.3 billion	6.6 billion

b) Pelaburan

Hal ini adalah merujuk kepada hutang berkenaan perbelanjaan pembangunan menerusi penubuhan syarikat khas (SPV) yang 100% dimiliki kerajaan dan tidak mempunyai sumber pendapatan sendiri melainkan geran kerajaan. Hutang-hutang SPV ini tidak disenaraikan dibawah liabiliti luar jangka (*contingent liabilities/statutory guarantee*). Contohnya adalah Pembinaan BLT Sdn Bhd dan Pembinaan PFI Sdn Bhd. Setakat tahun 2013, Pembinaan BLT memiliki liabiliti yang masih belum diselesaikan sebanyak RM7.6 bilion, sementara Pembinaan PFI memiliki liabiliti yang masih belum diselesaikan berjumlah RM26.6 bilion. Kesemua jumlah ini membawa kepada liabiliti yang masih belum diselesaikan sebanyak **RM34.2 bilion.**

c) Jaminan kerajaan

Hutang-hutang yang dijamin oleh kerajaan adalah berjumlah RM175.81 bilion pada suku kedua tahun 2015, mencecah RM12.9 bilion atau pun 7.9% dari tahun ke tahun²². Angka ini dianggarkan sebanyak 30% lebih daripada jumlah RM133.35 bilion pada suku kedua tahun 2012, mewakili purata pertumbuhan tahunan sebanyak 9.65% sejak tiga tahun lepas.

Jaminan kerajaan termasuklah Jaminan Pendeposit (KWSP, BSN, Tabung Haji), badan-badan berkanun (FELDA & PTPTN) dan syarikat-syarikat (1MDB). Ini adalah pinjaman-pinjaman yang dijamin sebanyak RM157 bilion menjelang akhir tahun 2013. Tidaklah kesemua jumlah RM157 bilion pinjaman yang dijamin ini akan dibatalkan memandangkan sesetengah daripada syarikat ini memiliki keupayaan menjana pendapatan untuk membayar hutang-hutang mereka seperti Khazanah, PLUS dan TNB.

Pada masa yang sama, terdapat juga pinjaman yang dijamin yang diterbitkan oleh SPV-SPV untuk membayar perbelanjaan modal untuk projek berskala besar yang sememangnya tidak dapat ditampung oleh pendapatan mengurus seperti contoh projek LRT & MRT. Sekiranya semua ini dianggap sebagai perbelanjaan kerajaan, sudah tentulah projek-projek ini akan dikategorikan sebagai perbelanjaan pembangunan dan dimasukkan bersama hutang rasmi kerajaan.

Malah, beberapa pinjaman ini perlu untuk dibatalkan (sekurang-kurangnya separuh) disebabkan status tidak membayar/kekangan kewangan syarikat seperti PTPTN, 1MDB, SRC International. Akhir sekali, terdapat hutang-hutang yang ditanggung oleh beberapa syarikat yang disenaraikan yang tidak dijamin dengan rasmi daripada kerajaan Persekutuan tetapi terdapat sokongan tersirat (atau pun surat sokongan) untuk keseluruhan hutang syarikat. 1MDB adalah contoh yang baik. Jangkaan kami adalah seperti berikut:

- PTPTN: Pembatalan 50% jaminan hutang adalah berjumlah RM14.6 bilion menjelang akhir 2013
- 1MDB: Pembatalan 50% jaminan hutang daripada jumlah hutang RM50 bilion adalah sebanyak RM25 bilion
- SRC International: Pembatalan 100% jaminan hutang adalah RM4 bilion
- Mengasingkan 100% hutang SPV untuk projek infrastruktur sebagai hutang kerajaan: RM43.4 bilion
- Mengasingkan 100% hutang berkaitan MAS: RM11.1 bilion

Oleh itu, penilaian awal Pakatan Harapan berkenaan Jaminan Kerajaan yang akan dikategorikan sebagai hutang kerajaan adalah pada jumlah keseluruhan **RM98.1 bilion.**

²² Bank Negara Malaysia

**Terjemahan Teks Belanjawan Alternatif *Pakatan Harapan*:
Mengelakkan Krisis (Averting a Crisis)**

Oleh itu, jumlah keseluruhan anggaran item-item yang tidak diletakkan dalam belanjawan (*off-budget*) yang patut dikira sebagai hutang kerajaan adalah sebanyak **RM138.9 bilion** seperti berikut:

Barangan off-budget	RM (billion)
Pinjaman yang boleh dibayar balik	6.6
“Pelaburan”	34.2
Jaminan Kerajaan	98.1
Jumlah	138.9

Sekiranya item-item ini ditambah ke dalam hutang kerajaan akhir tahun 2013, kita akan mencecah nisbah hutang kepada KDNK sebanyak 66% dan defisit belanjawan sebanyak 6.2% seperti yang tertera di bawah:

- Hutang keseluruhan kerajaan adalah pada RM539 bilion pada hujung tahun 2013
- Termasuk RM138.9 bilion, hutang keseluruhan kerajaan akan meningkat kepada RM677.9 bilion
- Nominal KDNK pada tahun 2013: RM1,109 bilion
- Tanpa item di luar belanjawan, nisbah hutang kepada KDNK adalah 53%
- Memasukkan item di luar belanjawan, nisbah hutang kepada KDNK adalah 67%
- Pada tahun 2013, RM22.2 bilion atau 11% daripada belanjawan Persekutuan dibelanjakan untuk membayar kadar faedah pada kadar 4.11%
- Dengan penambahan hutang sebanyak RM138.9 bilion, akan berlaku penambahan sebanyak RM5.7 bilion kepada defisit belanjawan tahun 2013 atau pun penambahan sebanyak 2.3%

Bergerak ke hadapan, kami menjangkakan peningkatan yang mendadak dari segi jumlah liabiliti luar jangka terutamanya projek infrastruktur yang berskala besar yang pada masa ini dibiayai menggunakan syarikat khas (SPV) yang menerbitkan hutang-hutang yang dijamin kerajaan. Ini termasuklah:

- Anggaran RM36 bilion untuk Laluan MRT 1²³
- Anggaran RM30 bilion untuk Laluan MRT 2²⁴
- Anggaran RM11.5 bilion untuk Laluan MRT 3²⁵

²³ Hanya RM6.5 billion bon yang telah dikeluarkan oleh Dana Infra termasuk pada tahun 2013 kenyataan jaminan oleh kerajaan persekutuan.

²⁴ <http://www.themalaysianinsider.com/malaysia/article/mrt-says-line-2-to-cost-over-rm30-billion>

²⁵ <http://www.themalaysianinsider.com/malaysia/article/mrcb-george-kents-win-with-rm11.5-billion-bid-for-lrt3-shocking-say-industr>

**Terjemahan Teks Belanjawan Alternatif Pakatan Harapan:
Mengelakkan Krisis (Averting a Crisis)**

- Anggaran RM40 bilion untuk projek kereta api laju dari KL ke Singapura²⁶

PEMANDU claims that Malaysia is moving closer to the “Safe Zone” (2013). But if off-budget items were to be included, Malaysia’s fiscal position would be different




Diagram 10: Hutang awam sebenar Malaysia/ Kedudukan Defisit

²⁶ <http://www.straitstimes.com/singapore/transport/singapore-kl-high-speed-rail-a-game-changer-but-how-much-will-tickets-cost>

4. Lampiran

Jadual 11: Ramalan pendapatan hasil minyak tahun 2015

	2012	2013	2014	2015*	2016**
Purata tahunan Brent (USD/bbl)	112	108.6	99	55	48
Pendapatan kerajaan (RM bilion)	207.9	213.4	225.8	221.4	221
Pendapatan Petronas (RM bilion)	291.2	317.3	329.1	264.8	220
PBT Petronas (RM bilion)	89.7	94.3	77.7	63.6	52.8
Dividend Petronas (RM bilion)	28	27	29	26	20
Cukai Petronas (RM bilion)	38.3	33.3	32.5	26.69	22.18
Bayaran Tunai Petronas (RM billion)	12.5	12	12.6	10.06	8.36
Duti Export Petronas (RM bilion)	1.2	1.1	1.2	1.06	0.88
Jumlah Penyumbangan Petronas kepada kerajaan (RM bilion)	80	73.4	75.30	63.81	51.42

Nota:

* Maklumat tahun 2015 berdasarkan maklumat terkini

** Maklumat 2016 berdasarkan perisikan pasaran

**Terjemahan Teks Belanjawan Alternatif Pakatan Harapan:
Mengelakkan Krisis (Averting a Crisis)**

Jadual 12: Ramalan maklumat pendapatan Barisan Nasional

	2012		2013		2014*		2015*		2016*		2015-2016 Change	
	(RM Mil.)	%	(RM Mil.)	%								
1 TAX REVENUE	151,643	72.9	155,951	73.1	171,770	76.1	185,358	78.3	184,622	78.1	-736	-0.40
DIRECT TAXES	116,937	56.2	120,523	56.5	133,148	59.0	135,646	57.3	125,628	53.1	-10,018	-7.39
1.1 INCOME TAXES	110,662	53.2	113,300	53.1	125,235	55.5	127,405	53.8	117,053	49.5	-10,352	-8.13
Individual Income Tax	22,977	11.1	23,055	10.8	26,746	11.8	26,553	11.2	28,422	12.0	1,869	7.04
Company Income Tax	51,288	24.7	58,175	27.3	67,679	30.0	72,589	30.7	65,330	27.6	-7,259	-10.00
Petroleum Income Tax	33,934	16.3	29,753	13.9	28,275	12.5	25,600	10.8	20,480	8.7	-5,120	-20.00
Withholding Tax	2,097	1.0	2,008	0.9	2,174	1.0	2,276	1.0	2,426	1.0	150	6.58
Cooperatives Income Tax	345	0.2	286	0.1	340	0.2	364	0.2	369	0.2	5	1.50
Others	21	0.0	23	0.0	21	0.0	23	0.0	25	0.0	2	8.50
1.2 OTHER DIRECT TAXES	6,275	3.0	7,223	3.4	7,913	3.5	8,241	3.5	8,575	3.6	334	4.05
Stamp Duty	5,595	2.7	6,364	3.0	6,993	3.1	7,252	3.1	7,723	3.3	471	6.50
Real Property Gains Tax	608	0.3	785	0.4	833	0.4	897	0.4	756	0.3	-141	-15.72
Others	72	0.0	74	0.0	87	0.0	92	0.0	96	0.0	4	4.10
INDIRECT TAXES	34,706	16.7	35,428	16.6	38,622	17.1	49,712	21.0	58,994	24.9	9,282	18.67
1.3 EXPORT DUTY	1,968	0.9	1,930	0.9	2,105	0.9	2,231	0.9	1,824	0.8	-407	-18.25
Crude Oil	1,928	0.9	1,632	0.8	1,943	0.9	2,057	0.9	1,646	0.7	-411	-20.00
Palm Oil	34	0.0	285	0.1	160	0.1	171	0.1	175	0.1	4	2.34
Others	6	0.0	13	0.0	2	0.0	3	0.0	3	0.0	0	5.00
1.4 IMPORT DUTY	2,282	1.1	2,524	1.2	2,502	1.1	2,629	1.1	2,865	1.2	236	8.97
Spirits and Malt Liquor	79	0.0	81	0.0	75	0.0	81	0.0	82	0.0	1	0.85
Tobacco, Cigarettes, and Cigars	35	0.0	114	0.1	26	0.0	28	0.0	33	0.0	5	18.00
CKD and CBU Vehicles	754	0.4	466	0.2	497	0.2	523	0.2	533	0.2	10	2.00
Others	1,414	0.7	1,863	0.9	1,904	0.8	1,997	0.8	2,217	0.9	220	11.00
1.5 EXCISE DUTY	12,187	5.9	12,193	5.7	13,442	6.0	13,717	5.8	14,396	6.1	679	4.95
Spirits and Malt Liquor	1,417	0.7	1,520	0.7	1,480	0.7	1,431	0.6	1,402	0.6	-29	-2.00
Tobacco, Cigarettes, and Cigars	3,281	1.6	3,275	1.5	3,953	1.8	3,840	1.6	3,974	1.7	134	3.50
Motor Vehicles	7,085	3.4	7,390	3.5	8,005	3.5	8,442	3.6	9,016	3.8	574	6.80
Others	404	0.2	8	0.0	4	0.0	4	0.0	3	0.0	-1	-30.00
1.6 SALES TAX	9,496	4.6	10,068	4.7	10,986	4.9	2,734	1.2	2,890	1.2	156	5.71
1.7 SERVICE TAX	5,583	2.7	5,944	2.8	6,780	3.0	1,874	0.8	1,943	0.8	69	3.68
1.8 LEVY	552	0.3	172	0.1	180	0.1	150	0.1	152	0.1	2	1.30
Oil Palm Fruit	388	0.2	7	0.0	58	0.0	0	0.0	0	0.0	0	0
Goods Vehicles	164	0.1	165	0.1	122	0.1	150	0.1	152	0.1	2	1.30
1.9 MISCELLANEOUS INDIRECT TAXES	2,638	1.3	2,597	1.2	2,627	1.2	2,677	1.1	2,715	1.1	38	1.43
1.10 GOODS AND SERVICES TAX (GST)							23,700	10.0	32,210	13.6	8,510	35.91
2 NON-TAX REVENUE	54,909	26.4	54,450	25.5	52,277	23.1	49,313	20.8	49,618	21.0	305	0.62
2.1 LICENCES AND PERMITs	13,570	6.5	13,418	6.3	13,049	5.8	13,143	5.6	13,427	5.7	284	2.16
Petroleum Royalty	6,423	3.1	6,186	2.9	5,705	2.5	5,543	2.3	5,432	2.3	-111	-2.00
Motor Vehicle Licences	2,283	1.1	2,407	1.1	2,417	1.1	2,508	1.1	2,608	1.1	100	3.98
Levy on Foreign Workers	2,618	1.3	2,423	1.1	2,523	1.1	2,579	1.1	2,824	1.2	245	9.50
Others	2,246	1.1	2,402	1.1	2,404	1.1	2,513	1.1	2,563	1.1	50	2.00
2.2 SERVICE FEES	1,218	0.6	1,262	0.6	1,233	0.5	1,304	0.6	1,390	0.6	86	6.60
2.3 SALES OF GOODS	637	0.3	1,222	0.6	1,139	0.5	574	0.2	570	0.2	-4	-0.70
2.4 RENTALS	177	0.1	176	0.1	207	0.1	250	0.1	268	0.1	18	7.00
2.5 INTERESTS & PROCEEDS ON INVESTMENTS	36,736	17.7	35,306	16.5	33,565	14.9	30,693	13.0	30,354	12.8	-339	-1.10
PETRONAS Dividend	26,260	12.6	27,000	12.7	29,000	12.8	26,000	11.0	26,000	11.0	0	0.00
Bank Negara Malaysia Dividend	2,000	1.0	1,500	0.7	1,500	0.7	2,000	0.8	1,700	0.7	-300	-15.00
Khazanah Dividend	3,000	1.4	851	0.4	750	0.3	500	0.2	450	0.2	-50	-10.00
Others	5,476	2.6	5,955	2.8	2,315	1.0	2,193	0.9	2,204	0.9	11	0.50
2.6 FINES AND PENALTIES	1,007	0.5	1,078	0.5	1,064	0.5	1,136	0.5	1,153	0.5	17	1.50
2.7 OTHER NON-TAX REVENUE	1,564	0.8	1,988	0.9	2,020	0.9	2,213	0.9	2,456	1.0	243	11.00
3 NON-REVENUE RECEIPTS	877	0.4	1,590	0.7	1,152	0.5	1,251	0.5	1,401	0.6	150	12.00
4 REVENUE FROM FEDERAL TERRITORIES	483	0.2	1,378	0.6	645	0.3	777	0.3	894	0.4	117	15.00
TOTAL REVENUE	207,912	100.0	213,369	100.0	225,844	100.0	236,699	100.0	236,535	100.0	-164	-0.07

**Terjemahan Teks Belanjawan Alternatif Pakatan Harapan:
Mengelakkan Krisis (Averting a Crisis)**

Jadual 13: Cadangan Pakatan Harapan mengenai maklumat pendapatan persekutuan

	2012		2013		2014*		2015*		2016*		2015-2016 Change	
	(RM Mil.)	%	(RM Mil.)	%								
1 TAX REVENUE	151,643	72.9	155,951	73.1	171,770	76.1	185,358	78.3	162,355	78.0	-23,003	-12.41
DIRECT TAXES	116,937	56.2	120,523	56.5	133,148	59.0	135,646	57.3	135,571	65.1	-75	-0.06
1.1 INCOME TAXES	110,662	53.2	113,300	53.1	125,235	55.5	127,405	53.8	123,399	59.3	-4,006	+3.14
Individual Income Tax	22,977	11.1	23,055	10.8	26,746	11.8	26,553	11.2	31,265	15.0	4,712	17.74
Company Income Tax	51,288	24.7	58,175	27.3	67,679	30.0	72,589	30.7	68,830	33.0	-3,759	+5.18
Petroleum Income Tax	33,934	16.3	29,753	13.9	28,275	12.5	25,600	10.8	20,480	9.8	-5,120	-20.00
Withholding Tax	2,097	1.0	2,008	0.9	2,174	1.0	2,276	1.0	2,430	1.2	154	6.78
Cooperatives Income Tax	345	0.2	286	0.1	340	0.2	364	0.2	369	0.2	5	1.50
Others	21	0.0	23	0.0	21	0.0	23	0.0	25	0.0	2	8.50
1.2 OTHER DIRECT TAXES	6,275	3.0	7,223	3.4	7,913	3.5	8,241	3.5	12,171	5.8	3,930	47.69
Stamp Duty	5,595	2.7	6,364	3.0	6,993	3.1	7,252	3.1	7,723	3.7	471	6.50
Real Property Gains Tax	608	0.3	785	0.4	833	0.4	897	0.4	852	0.4	-45	-5.02
Capital Gains Tax									3,500	1.7	3,500	
Others	72	0.0	74	0.0	87	0.0	92	0.0	96	0.0	4	4.10
INDIRECT TAXES	34,706	16.7	35,428	16.6	38,622	17.1	49,712	21.0	26,784	12.9	-22,928	-46.12
1.3 EXPORT DUTY	1,968	0.9	1,930	0.9	2,105	0.9	2,231	0.9	1,824	0.9	-407	-18.25
Crude Oil	1,928	0.9	1,632	0.8	1,943	0.9	2,057	0.9	1,646	0.8	-411	-20.00
Palm Oil	34	0.0	285	0.1	160	0.1	171	0.1	175	0.1	4	2.34
Others	6	0.0	13	0.0	2	0.0	3	0.0	3	0.0	0	5.00
1.4 IMPORT DUTY	2,282	1.1	2,524	1.2	2,502	1.1	2,629	1.1	2,865	1.4	236	8.97
Spirits and Malt Liquor	79	0.0	81	0.0	75	0.0	81	0.0	82	0.0	1	0.85
Tobacco, Cigarettes, and Cigars	35	0.0	114	0.1	26	0.0	28	0.0	33	0.0	5	18.00
CKD and CBU Vehicles	754	0.4	466	0.2	497	0.2	523	0.2	533	0.3	10	2.00
Others	1,414	0.7	1,863	0.9	1,904	0.8	1,997	0.8	2,217	1.1	220	11.00
1.5 EXCISE DUTY	12,187	5.9	12,193	5.7	13,442	6.0	13,717	5.8	14,396	6.9	679	4.95
Spirits and Malt Liquor	1,417	0.7	1,520	0.7	1,480	0.7	1,431	0.6	1,402	0.7	-29	-2.00
Tobacco, Cigarettes, and Cigars	3,281	1.6	3,275	1.5	3,953	1.8	3,840	1.6	3,974	1.9	134	3.50
Motor Vehicles	7,085	3.4	7,390	3.5	8,005	3.5	8,442	3.6	9,016	4.3	574	6.80
Others	404	0.2	8	0.0	4	0.0	4	0.0	3	0.0	-1	30.00
1.6 SALES TAX	9,496	4.6	10,068	4.7	10,986	4.9	2,734	1.2	2,890	1.4	156	5.71
1.7 SERVICE TAX	5,583	2.7	5,944	2.8	6,780	3.0	1,874	0.8	1,943	0.9	69	3.68
1.8 LEVY	552	0.3	172	0.1	180	0.1	150	0.1	152	0.1	2	1.30
Oil Palm Fruit	388	0.2	7	0.0	58	0.0	0	0.0	0	0.0	0	0.00
Goods Vehicles	164	0.1	165	0.1	122	0.1	150	0.1	152	0.1	2	1.30
1.9 MISCELLANEOUS INDIRECT TAXES	2,638	1.3	2,597	1.2	2,627	1.2	2,677	1.1	2,715	1.3	38	1.43
1.10 GOODS AND SERVICES TAX (GST)							23,700	10.0	0	0.0	-23,700	-100.00
2 NON-TAX REVENUE	54,909	26.4	54,450	25.5	52,277	23.1	49,313	20.8	43,618	20.9	-5,695	-11.55
2.1 LICENCES AND PERMITS	13,570	6.5	13,418	6.3	13,049	5.8	13,143	5.6	13,427	6.4	284	2.16
Petroleum Royalty	6,423	3.1	6,186	2.9	5,705	2.5	5,543	2.3	5,432	2.6	-111	-2.00
Motor Vehicle Licences	2,283	1.1	2,407	1.1	2,417	1.1	2,508	1.1	2,608	1.3	100	3.98
Levy on Foreign Workers	2,618	1.3	2,423	1.1	2,523	1.1	2,579	1.1	2,824	1.4	245	9.50
Others	2,246	1.1	2,402	1.1	2,404	1.1	2,513	1.1	2,563	1.2	50	2.00
2.2 SERVICE FEES	1,218	0.6	1,262	0.6	1,233	0.5	1,304	0.6	1,390	0.7	86	6.60
2.3 SALES OF GOODS	637	0.3	1,222	0.6	1,139	0.5	574	0.2	570	0.3	-4	-0.70
2.4 RENTALS	177	0.1	176	0.1	207	0.1	250	0.1	268	0.1	18	7.00
2.5 INTERESTS & PROCEEDS ON INVESTMENTS	36,736	17.7	35,306	16.5	33,565	14.9	30,693	13.0	24,354	11.7	-6,339	-20.65
PETRONAS Dividend	26,260	12.6	27,000	12.7	29,000	12.8	26,000	11.0	20,000	9.6	-6,000	-23.08
Bank Negara Malaysia Dividend	2,000	1.0	1,500	0.7	1,500	0.7	2,000	0.8	1,700	0.8	-300	-15.00
Khazanah Dividend	3,000	1.4	851	0.4	750	0.3	500	0.2	450	0.2	-50	-10.00
Others	5,476	2.6	5,955	2.8	2,315	1.0	2,193	0.9	2,204	1.1	11	0.50
2.6 FINES AND PENALTIES	1,007	0.5	1,078	0.5	1,064	0.5	1,136	0.5	1,153	0.6	17	1.50
2.7 OTHER NON-TAX REVENUE	1,564	0.8	1,988	0.9	2,020	0.9	2,213	0.9	2,456	1.2	243	11.00
3 NON-REVENUE RECEIPTS	877	0.4	1,590	0.7	1,152	0.5	1,251	0.5	1,401	0.7	150	12.00
4 REVENUE FROM FEDERAL TERRITORIES	483	0.2	1,378	0.6	645	0.3	777	0.3	894	0.4	117	15.00
TOTAL REVENUE	207,912	100.0	213,369	100.0	225,844	100.0	236,699	100.0	208,268	100.0	-28,431	-12.01